MODUL

يايسن ڤمباڠونن ايكونومي اسلام مليسيا

YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (YaPEIM)

# INSPIRASI PENDIDIKAN YaPEIM 2022

## Sijil Pelajaran Malaysia

# SEJARAH

YaPEIM tv

www.yapeim.my info@yapeim.my

TERUS MELONJAK MEMACU KEJAYAAN

#IngatKebajikanIngatYaPEIM

CamScanner

# ISI KANDUNGAN


| TINGKATAN 4 TAJUK | BAB | TEMA : PEMBINAAN NEGARA | Muka surat | Prestasi Saya 😀 | 🙂 | 😐 | ✎ |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | 1 | Warisan Negara Bangsa | 5 – 9 | | | | |
| | 2 | Kebangkitan Nasionalisme | 10 – 14 | | | | |
| 10 | 3 | Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita | 15 – 19 | | | | |
| | 4 | Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita | 20 – 24 | | | | |
| | 5 | Persekutuan Tanah Melayu 1948 | 25 – 28 | | | | |
| | 6 | Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat | 29 – 33 | | | | |
| 11 | 7 | Usaha ke Arah Kemerdekaan | 34 – 38 | | | | |
| | 8 | Pilihan Raya | 39 – 42 | | | | |
| | 9 | Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 | 43 – 46 | | | | |
| | 10 | Pemasyhuran Kemerdekaan | 47 - 50 | | | | |

| TINGKATAN 5 TAJUK | BAB | TEMA : MALAYSIA DAN MASA HADAPAN | Muka surat | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 | 1 | Kedaulatan Negara | 51 – 53 | | | | |
| | 2 | Perlembagaan Persekutuan | 54 – 56 | | | | |
| | 3 | Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen | 57 – 61 | | | | |
| | 4 | Sistem Persekutuan | 62 – 65 | | | | |
| 13 | 5 | Pembentukan Malaysia | 66 – 70 | | | | |
| | 6 | Cabaran selepas Pembentukan Malaysia | 71 – 74 | | | | |
| 14 | 7 | Membina Kesejahteraan Negara | 75 – 79 | | | | |
| | 8 | Membina Kemakmuran Negara | 80 – 84 | | | | |
| 15 | 9 | Dasar Luar Malaysia | 85 – 89 | | | | |
| | 10 | Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia | 90 – 94 | | | | |
| | | Nota Holistik | 95 | | | | |


| | |
|---|---|
| NAMA MURID | |
| *NAMA SEKOLAH* | |



CamScanner

## TEKNIK MENJAWAB SEJARAH SPM 2021

### SEJARAH KERTAS 1 (1249/1) Soalan Objektif

**T5 B5**

**10.** Apakah **kesan** peristiwa berikut terhadap **negara kita**? ms 109

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1965 | **Jeneral Soeharto** telah **mengambil alih kuasa** pemerintahan daripada **Presiden Soekarno** |

A Sistem beraja dihapuskan
B Hubungan diplomatik terputus } Kesan negatif
C Pakatan tentera dibentuk
D ✓ **Dasar konfrontasi berakhir** } Kesan positif

**T4 B1**

**10.** Antara berikut, yang manakah **peranan rakyat** terhadap negara pada zaman **Kesultanan Melayu Melaka**? ms 13

I **Berkhidmat sebagai tentera**
II **Menjadi pendayung kapal perang** } Rakyat
III Menjadi utusan ke negara luar
IV Sebagai pengiring para pembesar } Pembesar

A ✓ **I dan II** C II dan III
B I dan IV D III dan IV

### SEJARAH KERTAS 2 (1249/2) BAHAGIAN A (Struktur)

**T5 B5**

**2.** Tunku Abdul Rahman mengumumkan pembentukan malaysia pada 27 Mei 1961. Pembentukan Malaysia mendapat reaksi daripada pelbagai pihak.

(a) Namakan parti yang menyokong pembentukan Malaysia tersebut.

(i) Sarawak
Parti Negara Sarawak (PANAS) ✓
[1 *markah*]

(ii) Sabah
United Sabah National Organization (USNO) ✓
[1 *markah*]

(iii) Singapura
People's Action party (PAP) ✓
[1 *markah*]

(b) Mengapakah terdapat penentangan terhadap gagasan tersebut?

(i) Dianggap penjajahan bentuk baharu ✓
(ii) Ekonomi dikuasai PTM ✓
(iii) Ingin menubuhkan Kesatuan negeri-negeri Melayu Borneo yang merdeka ✓
[3 *markah*]

(c) Petikan berikut berkaitan kebaikan penubuhan Malaysia kepada rakyat negara kita.

> Hasilnya sehingga kini Malaysia telah menjadi antara negara yang bebas dari pengaruh asing. Ini merupakan manfaat yang paling berharga yang telah dinikmati oleh generasi baru Malaysia kerana hidup aman dan damai.
> https://news.ump.edu.my

Berikan bukti kebaikan yang telah anda nikmati kesan daripada penubuhan Malaysia.

Kebaikan pembentukan Malaysia ialah negara bebas dari pengaruh asing. Contohnya ancaman komunis dihapuskan. Kesannya negara aman dan rakyat hidup sejahtera.
[4 *markah*]

### SEJARAH KERTAS 2 (1249/2) Bahagian B (Esei)

**T4 B3**

**1.** Serangan tentera Jepun di Tanah Melayu bemula pada 8 Disember 1941. Keseluruhan Tanah Melayu jatuh ke tangan tentera Jepun pada 15 Februari 1942.

(a) Bagaimanakah Jepun melakukan serangan terhadap negara kita?
[6 *markah*]

Serangan tentera Jepun terhadap negara kita bermula dengan mendarat di Kota bahru, Kelantan. Kemudian, tentera Jepun mara ke selatan mengikuti jalan darat di negeri-negeri pantai timur. Manakala pasukan tentera Jepun yang mendapat di Thailand memasuki Kedah dan berpecah kepada dua pasukan terus mara ke selatan. Satu pasukan ke Pulau Pinang dan terus mara melalui pesisiran pantai barat dan satu pasukan lagi mengikuti jalan darat menuju bandar-bandat utama negeri pantai barat.

(b) Terangkan dasar pentadbiran yang telah diperkenalkan oleh Jepun setelah berjaya menguasai Tanah Melayu.
[6 *markah*]

Dasar pentadbiran tentera Jepun ialah dengan menggabungkan Tanah Melayu dengan Sumatera di bawah pentadbiran pasukan tentera Jepun ke-25 di Singapura. Namun pada April 1944, Tanah Melayu dan Sumatera ditadbir secara berasingan. Pentadbiran ke atas Singapura juga diasingkan. Selain itu, Jepun mengamalkan dasar mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu sebagai ketua agama Islam dan adat melayu serta diberi bayaran pencen. Manakala, pemimpin tempatan juga diberi peluang kenaikan pangkat bagi mengatasi kekurangan pegawai dan mendapatkan sokongan penduduk. Untuk itu, Jepun menubuhkan Institut latihan Pemimpin Muda yang dikenali sebagai Koa Kunrenjo.

(c) Gambar berikut merupakan poster propaganda tentera Jepun di negara kita.






Jelaskan sebab tentera Jepun mengeluarkan poster di atas dan mengapakah rakyat tempatan tertarik dengan propaganda tersebut?
[8 *markah*]

Sebab tentera Jepun mengeluarkan poster tersebut adalah untuk mengagambarkan Jepun sebagai penyelamat dan pembela Asia kerana memberi kemerdekaan. Untuk itu, rakyat perlu bekerjasama dengan Jepun untuk menghalau kuasa Barat. Selain itu, slogan 'Semangat Asia' dan 'Asia untuk Orang Asia' digunakan berjaya mencapai cita-cita Jepun dan meningkatkan imej Jepun.

Sebab rakyat tempatan tertarik dengan propaganda tersebut adalah kerana merasakan Islam akan terpelihara apabila melihat poster tersebut ditulis dengan huruf jawi dan menggunakan nama Allah. Maka rakyat tempatan bersama Jepun menentang Barat dan yakin akan hidup aman serta peroleh merdeka di bawah Jepun. Kesimpulannya, kita perlu berwaspada dengan tipu daya asing.

CamScanner

## LAGU : KERANAMU MALAYSIA Lubuk Markah KBAT

### KERANAMU MALAYSIA

Buruh nelayan dan juga petani
Gaya hidup kini dan berubah
Anak-anak terasuh mindanya
Lahir generasi bijak pandai

Pakar IT pakar ekonomi
Jaguh sukan dan juga jutawan
Berkereta jenama negara
Megah menyusur d jalan raya

**T5 Bab 8**

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah DEB berjaya membawa kesejahteraan kepada rakyat?

DEB berjaya membawa kesejahteraan kepada rakyat kerana melahirkan ramai anak-anak yang bijak pandai dan terasuh mindanya di negara kita. Contohnya, lahir ramai pakar ekonomi dan pakar IT serta mampu mencipta kereta jenama negara seperti Proton dan PERODUA yang menyusur di jalan raya. Kesannya, gaya hidup kini dah berubah. [4 *markah*]

Alam siber teknologi terkini
Kejayaan semakin hampiri
Biar di kota ataupun desa
Kita semua pasti merasa bangga

Keranamu kami mendakap tuah
Keranamu kami bangsa berjaya
Keranamu kami hidup selesa
Limbah budi kemakmuran negara

**T4 Bab 1**

(c) Bagaimanakah kerjasama yang mantap antara pemimpin pelbagai kaum memberikan manfaat kepada negara kita?

Kerjasama yang mantap antara pemimpin pelbagai kaum membolehkan kita menjadi bangsa yang berjaya. Contohnya maju dalam dalam alam siber dan teknologi terkini. Oleh yang demikian, rakyat hidup selesa dan mendakap tuah daripada kemakmuran negara. Keadaan ini menyebabkan kita merasa bangga sebagai rakyat Malaysia. [4 *markah*]

Keranamu kami bebas merdeka
Keranamu nyawa dipertaruhkan
Keranamu rela kami berjuang
Demi bangsa kedaulatan negara
Keranamu negara Malaysia
Malaysia ...
Terima kasih Malaysia!

**T4 Bab 10**

(c) Mengapakah kita perlu mensyukuri nikmat kemerdekaan?

Kita perlu mensyukuri nikmat kemerdekaan kerana kita telah bebas merdeka daripada penjajahan. Oleh yang demikian kedaulatan bangsa dan negara diiktiraf dunia. Untuk itu, kita hendaklah sanggup berjuang dan mempertaruhkan nyawa demi negara Malaysia. Justeru terima kasih Malaysia.

[4 *markah*]

## T4 B1 WARISAN NEGARA DAN BANGSA

***Soalan Objektif***

1. Raja menjadi tonggak utama dalam kerajaan di Alam Melayu. Mengapakah Raja Champa dianggap suci? ms 4

   A Digelar Raja Tuhan
   B Menjadi wakil Tuhan
   C Dianggap sebagai Tuhan Ibu
   D Dikaitkan dengan Dewa Siva

2. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran yang mantap dan tersusun.

   Apakah sistem pentadbiran yang dimaksudkan? ms 6

   A Pentadbiran wilayah
   B Raja Berperlembagaan
   C Pemerintahan tempatan
   D Pembesar Empat Lipatan

3. Mengapakah kedaulatan penting kepada Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang berkuasa di Alam Melayu? ms 6

   A Mendapat pengiktirafan
   B Memperoleh bantuan tentera
   C Menerima ufti dari negara luar
   D Menguasai bidang ekonomi

4. Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka memperoleh wilayah-wilayah berikut? ms 7

   - Pahang
   - Kampar
   - Rokan

   A Kegiatan penaklukan
   B Menerima ketuanan
   C Perkahwinan siasah
   D Anugerah negara asing

5. Pembesar Berempat dalam Kesultanan Melayu Melaka memperoleh *kawasan pegangan* bagi mentadbir wilayah, sungai atau pulau.

   Bagaimanakah mereka memperoleh kawasan tersebut? ms 9

   A Melakukan penaklukan
   B Mendapat kurnia sultan
   C Memperoleh sokongan rakyat
   D Menggunakan konsep naungan

6. Laksamana berperanan dalam memastikan keamanan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka?

   Apakah peranan tersebut? ms 9

   A Menjadi ketua angkatan tentera
   B Menguatkuasakan undang-undang
   C Menjaga keselamatan laut
   D Mengawal keamanan dalam negeri

7. Rajah berikut merujuk kepada pembesar yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

   **X** → Menjaga keselamatan Kota Melaka

   Apakah **X**? ms 9

   A Bendahara
   B Laksamana
   C Syahbandar
   D Temenggung

8. Dalam Hukum Kanun Melaka, Fasal 4 menyatakan tentang hukuman bunuh yang dikenakan kepada seseorang.

   Berdasarkan penyataan tersebut, siapakah yang boleh dijatuhkan hukuman bunuh? ms 10

   A Memalsu titah sultan
   B Mencuri khazanah negara
   C Menceroboh istana sultan
   D Membantu penjajah asing

9. Apakah peranan golongan pembesar untuk menjaga kebajikan rakyat di kawasan pegangan masing-masing? ms 12

   A Mengetuai angkatan tentera
   B Menjalinkan hubungan diplomatik
   C Memperkenalkan perundangan
   D Memastikan keamanan negara

10. Antara berikut, yang manakah peranan rakyat terhadap negara pada zaman Kesultanan Melayu Melaka? ms 13

    I Berkhidmat sebagai tentera
    II Menjadi pendayung kapal perang
    III Mengetuai utusan ke negara luar
    IV Pengiring pembesar negara

    A I dan II
    B I dan IV
    C II dan III
    D III dan IV



CamScanner

## Soalan Struktur

1 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran yang lengkap dan teratur. Sistem pentadbiran yang tersusun ini dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan.

(a) Namakan **dua** jawatan Pembesar Berempat dalam sistem pentadbiran tersebut.

(i) ..................................................................................

(ii) ..................................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan sistem pentadbiran peringkat pusat dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

..................................................................................

..................................................................................

..................................................................................

..................................................................................

..................................................................................

..................................................................................

[4 *markah*]

(c) Kebijaksanaan pemerintah dalam mengawal perbendaharaan telah menjadikan Kesultanan Melayu Melaka maju dan makmur. Buktikan.

..................................................................................

..................................................................................

..................................................................................

..................................................................................

..................................................................................

..................................................................................

..................................................................................

..................................................................................

..................................................................................

[4 *markah*]

**Kawasan Pegangan**

- Kawasan yang dikurniakan Sultan Melaka kepada Pembesar Berempat
- Memberi kuasa memerintah atau mentadbir sesuatu wilayah, sungai atau pulau.

**(a)** *ms 8*

F1 Bendahara
F2 Penghulu Bendahari
F3 Temenggung
F4 Laksamana

Pembesar Empat Lipatan

**(b)** *ms 9*

F1 Sistem Pembesar Empat Lipatan
- Bendahara ketua pentadbir/ ketua turus angkatan tentera
- Menasihati sultan/ pemangku sultan

F2 Penghulu Bendahari / menguruskan perbendaharaan/Sistem kewangan yang teratur
- Syahbandar/ mengutip cukai di pelabuhan
- Pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan

F3 Temenggung jaga keselamatan kota Melaka/ keselamatan di darat

F4 Laksamana- Panglima angkatan laut/ keselamatan di laut
- Aspek keselamatan lengkap

**(c)** *KBAT*

- Sistem kewangan yang teratur
- Mempunyai banyak sumber pendapatan/ melalui kegiatan perdagangan
- Pelbagai cukai diperkenalkan/ ufti dari wilayah taklukan
- **Penghulu Bendahari**
- Menguruskan perbendaharaan dengan teratur
- **Syahbandar**
- Mengutip cukai di pelabuhan
- Hasil pembendaharaan untuk membeli senjata
- Kesannya, menjadi pusat perdagangan antarabangsa/tumpuan pedagang dunia seperti China/India/Asia Barat

## Nota Ekstra

**PENTADBIRAN PERINGKAT JAJAHAN**
- Pembesar akan menguruskan pentadbiran daerah dan kampung
- Dilantik Pembesar Berempat
- Tugasnya kekalkan keamanan/ kutip cukai

**Bendahara Tun Perak**
- Paling lama berkhidmat
- Berkhidmat dengan 4 orang Sultan
- Sultan Muzaffar Shah/ Sultan Mansur Shah/ Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah

**Kerajaan Srivijaya**
- Berpusat di Palembang
- Meneruskan ciri-ciri negara bangsa Alam Melayu sebelumnya/ Funan dan Champa
- Srivijaya menjadi empayar terkenal
- Ciri-ciri negara bangsa membawa kesejahteraan kepada empayar Srivijaya/ diwarisi Kesultanan Melayu Melaka
- Kesultanan Johor-Riau meneruskan ciri-ciri ini/ menekankan kepentingan Islam

**Upacara persetiaan rakyat kepada pemerintah**
- Air dituang di atas inskripsi Telaga Batu
- Air mengalir melalui corong di bawahnya
- Air ditadah dan diminum oleh rakyat
- Menunjukkan kesetiaan kepada pemerintah

CamScanner

## Soalan Struktur

2 Menurut pengkaji undang-undang Melaka terkenal, iaitu Liaw Yock Fang, Kanun Melaka mula disusun pada masa pemerintahan Sultan Muhammad Shah (1424 hingga 1444 Masehi) dan ditambah dari semasa ke semasa sehingga abad ke-19 Masehi

Sumber: bharian.com.my/kolumnis/2017/02/253114/kanun-melaka-perlembagaan-tanah-melayu

(a) Namakan **dua** undang-undang yang digunapakai dalam Kesultanan Melayu Melaka.

(i) ..............................................................................

(ii) ..............................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan hukuman terhadap perbuatan jenayah yang terdapat yang terdapat dalam kedua-dua undang-undang tersebut di (a).

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

[4 *markah*]

(c) Maklumat berikut merujuk kepada prinsip keempat Rukun Negara.

| Kedaulatan Undang-Undang |
|---|

Mengapakah pengamalan prinsip tersebut penting kepada rakyat sesebuah negara?

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

[4 *markah*]

**Undang-Undang Laut Melaka**

- Diusahakan oleh beberapa nakhoda Melaka iaitu Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri, dan Nakhoda Sahak
- Diperkenankan Sultan Mahmud Shah

**(a)** ***ms 12***

F1 Hukum Kanun Melaka
F2 Undang-undang Laut Melaka

**(b)** ***ms 13***

**Hukum Kanun Melaka**
- Hukuman setimpal bagi kesalahan jenayah membunuh / menikam / mencuri
- Boleh dijatuhkan hukuman bunuh jika membunuh tanpa pengetahuan raja / pembesar
- Sesiapa yang ingkar arahan raja / memalsu titah raja juga boleh dihukum bunuh

**Undang-undang Laut Melaka**
- Jenayah di atas kapal menggugat ketenteraman / keselamatan isi kapal
- Menjelaskan hukuman seperti mencuri / membunuh / memberontak
- Membunuh / berkelakuan jahat di atas kapal dikenakan hukuman mati

**(c)** ***KBAT***

F1 Lambang keagungan kerajaan yang berdaulat
- Mempunyai undang-undang / peraturan yang lengkap
- Bagi mewujudkan negara yang aman / harmoni

F2 Membentuk rakyat yang berdisiplin
- Patuh kepada peraturan / undang-undang
- Mengelak daripada perbuatan jenayah/ menimbulkan huru hara/ Perpecahan antara kaum
- Wujud toleransi/ rakyat bersatu-padu/ membangunkan negara/ imej negara meningkat

Mana-mana munasabah

## Nota Ekstra

**HUKUM KANUN MELAKA**
- Dalam Hukum Kanun Melaka, beberapa perkataan hanya boleh digunakan oleh raja iaitu **titah, murka, kurnia dan anugerah**
- Rakyat tidak dibenarkan mempersenda atau menuturkan perkataan tersebut.

**HUKUM KANUN MELAKA**
Mengandungi 44 Fasal iaitu berkaitan:
**1. Jenayah**
- Pelbagai hukuman terhadap kesalahan bunuh/menikam/ curi

**2. Peranan Raja/ Pembesar**
- Arif berkaitan undang-undang

**3. Kekeluargaan**
- Mewujudkan keharmonian/ menyelesai masalah keluarga

**4. Ekonomi**
- Undang-undang kawal perdagangan agar tiada kesalahan/ bertentangan Islam
- Perdagangan menjadikan Kesultanan Melayu Melaka terkenal

**UNDANG-UNDANG LAUT MELAKA**
Mengandungi perkara
**1. Peranan Nakhoda**
- Dianggap raja dalam pelayaran
- Diberi keutamaan berniaga 4 hari

**2. Pelayaran**
- Menjelaskan peranan jurumudi/ malim/ jurubatu
- Malim arif ilmu pelayaran/ tahu keadaan ombak/arus/kedudukan bulan bintang

**3. Jenayah**
- Hukuman jenayah atas kapal seperti mencuri/ membunuh/ memberontak

**4. Percukaian**
- Cukai perjalanan/ hasil perniagaan
- Nakhoda menentukan jumlah cukai

CamScanner

## Soalan Struktur

3 Rajah berikut menunjukkan pembahagian masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka

Pemerintah | Rakyat

(a) Namakan mereka yang termasuk dalam golongan pemerintah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(iii) ..........................................................................................

(iv) ..........................................................................................

[2 *markah*]

(b) Apakah peranan rakyat sebagai anggota masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

(c) Baca petikan akhbar berikut.

> Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dalam satu wawancara Jumaat lalu, beliau meluahkan apa yang terbuku bila menegaskan Malaysia amat memerlukan karakter pemimpin yang bukan sahaja mampu, bahkan perlu berani mengambil pendekatan berbeza bagi menyelesaikan krisis politik, kesihatan dan ekonomi yang sedang melanda negara.
>
> Sumber: Diubahsuai daripada //www.utusan.com.my/terkini/2021/07/

Berikan ulasan anda berdasarkan petikan tersebut.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

### Golongan Diperintah

- **Rakyat**- peniaga/petani/tukang/ nelayan
- **Hamba-** Hamba raja/ Hamba berhutang/ Hamba biasa

**(a)** *ms 12*

F1 Sultan
F2 Pembesar
F3 Kerabat raja
F4 Ulama

**(b)** *ms 13*

F1 Menunjukkan ketaatan kepada pemerintah
F2 Mematuhi semua arahan/ tidak menderhaka kerana bimbang ditimpa tulah
F3 Menjadi tentera
F4 Menghadiri majlis umum/ gotong royong
F5 Menjadi pengayuh/ pendayung kapal perang
F6 Menyumbang tenaga/ sistem serah/ membina istana/jalan raya

**(c)** *KBAT*

F1 Pemimpin yang berkarisma dan berani mengambil pendekatan berbeza/ strategik menyelesaikan krisis untuk kepentingan negara
- Bertindak tanpa rasa takut
- Mengutamakan kepentingan nasional berbanding peribadi
- Tidak terlibat dengan rasuah/ salah guna kuasa
- Kesannya,pentadbiran negara sistematik / cekap dan pesat membangun
- Mana-mana munasabah

### Nota Ekstra

**Peranan Sultan**

- Menaungi/ jaga keselamatan rakyat
- Mewujudkan perpaduan rakyat
- Bertanggungjawab terhadap kemakmuran/ kestabilan kerajaan
- Memperkenalkan undang-undang

**Peranan Pembesar**

- Memelihara keamanan/ kebajikan rakyat di kawasan pegangan
- Perantara sultan-rakyat
- Mengutip hasil melalui sistem serah/ bekalkan tentera melalui sistem kerah

**Tulah** – Kecelakaan kerana langgar larangan/ menderhaka kepada raja

**Waadat**- Perjanjian yang dilakukan Demang Lebar Daun yang mewakili golongan diperintah/ Sang Sapurba mewakili golongan pemerintah.

| JAWAPAN OBJEKTIF B1 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | D | D | A | A | B | C | D | A | D | A |

CamScanner

## Soalan Esei

1 Maklumat berikut berkaitan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

| | | |
|---|---|---|
| • Kerajaan<br>• Rakyat | • Wilayah Pengaruh<br>• Kedaulatan | • Undang-Undang<br>• Lambang Kebesaran |

(a) Jelaskan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka berikut:

(i) Rakyat

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[3 *markah*]

(ii) Kedaulatan

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[3 *markah*]

(b) Peta menunjukkan wilayah pengaruh Kesultanan Melayu Melaka pada zaman kegemilangannya.




Terangkan usaha peluasan wilayah pengaruh tersebut.

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[6 *markah*]

(c) Huraikan iktibar yang boleh diambil daripada sejarah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka untuk kemajuan bangsa dan negara Malaysia?

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[8 *markah*]

**Undang-undang yang dipengaruhi Kesultanan Melayu Melaka**
- Undang-undang Pahang
- Undang-undang 99 Perak

**(a)** ***ms 6-7***

(i)
F1 Menumpahkan taat setia kepada sultan/mematuhi undang-undang
F2 Rakyat Melaka terdiri daripada orang Melayu dan Orang Laut
F3 Kesejahteraan rakyat dijamin sultan/ rakyat mengakui kekuasaan sultan
F4 Wujud hubungan timbal balik pemerintah-rakyat.
F5 Rakyat- rakyat merdeka/ hamba

(ii)
F1 Lambang kekuasaan tertinggi raja/ hak mutlak raja/ mengawal rakyat dan wilayah
F2 Diiktiraf kerajaan lain/ bebas campur tangan kuasa asing/ Dinasti Ming
F3 Menghantar beberapa utusan/ Laksamana Cheng Ho

**(b)** ***ms 7***

F1 Merujuk kawasan pemerintahan raja
- diterima dan diakui oleh rakyat

F2 KMM mempunyai wilayah pengaruh luas
- Merangkumi keseluruhan semenanjung Tanah Melayu/ Pantai Timur Sumatera

F3 Wilayah Taklukan
- Diperoleh melalui peperangan
- Pahang/Kuala Linggi/ Kelantan/ Rokan

F4 Wilayah Naungan
- Wilayah yang menerima ketuanan KMM melalui perkahwinan/ persahabatan
- Lingga/ Patani/ Kedah

F5 Wilayah melalui perkahwinan
- Majapahit menghadiahkan Siantan kepada Sultan Mansur Shah kerana mengahwini Puteri Majapahit

**(c)** ***KBAT***

F1 Sistem pemerintahan yang sistematik
- Menjamin kestabilan politik
- Kebajikan rakyat terpelihara

F2 Pemimpin yang adil dan saksama
- Rakyat hidup bersatu padu/ perpaduan
- Menjamin kesejahteraan rakyat

F3 Kesetiaan rakyat kepada pemimpin
- Mewujudkan kemajuan negara
- Rakyat bersedia pertahankan negara

F4 Undang-undang untuk melindungi rakyat
- Keselamatan rakyat terjamin
- Hidup aman dan harmoni

### Nota Ekstra

**CIRI-CIRI NEGARA BANGSA KMM**

**1.Kerajaan**
- Muncul kerajaan kerana adanya raja - pemerintah tertinggi/ dibantu pembesar
- Sistem Pembesar Empat Lipatan
- Gelaran sultan selepas kedatangan Islam

**2. Undang-undang**
- Hukum Kanun Melaka/ Undang-undang Laut Melaka
- Mengawal rakyat dan mengukuhkan kerajaan serta melindungi rakyat

**3. Lambang Kebesaran**
- Identiti kerajaan/ keistimewaan sultan
- Adat istiadat/ warna/ nobat/ regalia/ cap mohor
- Cap mohor- sahkan arahan sultan
- Simbol kedaulatan sultan memerintah



CamScanner

# T4 B2 KEBANGKITAN NASIONALISME

## Soalan Objektif

1. Tokoh berikut beranggapan nasionalisme Melayu telah wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Profesor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid

Apakah ciri nasionalisme Melayu pada masa itu mengikut pandangan tokoh berikut? ms 23

A Kesetiaan kepada raja
B Menggunakan bahasa Melayu
C Mempertahankan sempadan negeri
D Penentangan terhadap kuasa Portugis

2. Mengapakah tercetusnya peristiwa berikut di England? ms 24

| Peristiwa | Tahun |
|---|---|
| Revolusi Keagungan (Glorious Revolution) | 1688 |

A Membentuk negara bangsa
B Mempertahankan sistem beraja
C Menegakkan kedaulatan parlimen
D Melindungi golongan bangsawan

3. Apakah kesan Revolusi Perancis yang belaku pada tahun 1789? ms 25

A Penyatuan negara bangsa
B Pengukuhan kuasa bangsawan
C Pemerintahan beraja berakhir
D Perkembangan kegiatan penjajahan

4. Bagaimanakah tokoh berikut berperanan dalam gerakan nasionalisme di India pada awal abad ke-20? ms 26

- Bal Gangadhar Tilak
- Bipin Chandra Pal

A Menuntut pembebasan pemimpin
B Menentang secara kekerasan
C Memulakan rundingan damai
D Melancarkan gerakan pemodenan

5. Maharaja Mikado Meiji telah berusaha untuk mengelakkan ancaman imperialisme Barat di Jepun.

Apakah langkah yang telah dilaksanakan oleh tokoh tersebut? ms 27

A Menutup sempadan
B Memodenkan negara
C Mengadakan perjanjian
D Memperbesar angkatan tentera

6. Katipunan merupakan gerakan revolusioner yang melancarkan Revolusi Filipina pada tahun 1896.

Mengapakah revolusi tersebut dilancarkan? ms 28

A Menghapuskan sistem beraja
B Menghalang pengaruh komunis
C Menyekat pengaruh Amerika
D Menyingkirkan kuasa Sepanyol

7. Bagaimanakah tokoh berikut membangkitkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan masyarakat di negara kita pada awal abad ke-20? ms 33

- Abdul Rahim Kajai
- Muhammad Rakawi Yusuf
- Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba)

A Membentuk parti politik
B Mewujudkan persatuan
C Mengasas gerakan revolusi
D Menghasilkan penulisan kreatif

8. Akhbar Al-Imam yang telah diterbitkan pada Julai 1906.

Apakah yang disarankan oleh golongan ulama melalui penerbitan akhbar tersebut? ms 36

A Kembali kepada Islam sebenar
B Mempelajari pelbagai bahasa
C Menjalin kerjasama Barat
D Kewajipan membayar zakat

9. Apakah matlamat perjuangan pertubuhan berikut? ms 40

| Pertubuhan | Pengasas | Tahun |
|---|---|---|
| Kesatuan Melayu Muda (KMM) | Ibrahim Haji Yaakob | 1937 |

A Menentang pendudukan Jepun
B Mewujudkan persaudaraan rakyat
C Membentuk gagasan Melayu Raya
D Membangunkan ekonomi masyarakat

10. Apakah isu yang dimuatkan melalui penerbitan majalah *Bulan Melayu* pada tahun 1930? ms 43

I Pelibatan wanita dalam politik
II Berita kemajuan wanita
III Kepentingan pendidikan wanita
IV Peranan wanita menentang penjajah

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

CamScanner

## Soalan Struktur

1 Gerakan nasionalisme yang berlaku di negara Barat telah mempengaruhi perkembangan nasionalisme di Asia dan Asia Tenggara termasuklah di negara kita.

(a) Apakah maksud nasionalisme?

.....................................................................................................

.....................................................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan faktor tercetusnya gerakan nasionalisme berikut:

(i) Revolusi Keagungan (1688)

.....................................................................................................

.....................................................................................................

[2 *markah*]

(ii) Revolusi Amerika (1776)

.....................................................................................................

.....................................................................................................

[2 *markah*]

(c) Logo berikut adalah tema hari kemerdekaan negara " Nasionalisme Teras Perpaduan" pada tahun 1985 dan sebahagian lirik lagu tema.

| | |
|---|---|
| | Marilah kita semua bersama<br>Sekata sehati sejiwa<br>Bermaruah bersih cekap amanah<br>Jadi pedoman kita setiap masa<br>Tidak gentar musuh dalam dan luaran<br>Kerana Nasionalisme Teras Perpaduan |

Apakah semangat nasionalisme yang boleh dicontohi berdasarkan lirik lagu tersebut?

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

.....................................................................................................

[4 *markah*]

**(a)** *ms 22-23*

- Perasaan cinta akan bangsa/ negara yang mendalam
- Semangat kebangsaan yang menjelaskan sikap/ pendekatan berjuang menentang penjajah/ pembelaan bangsa / negara
- Gerakan mencapai kebebasan politik/ ekonomi/ sosial

**(b)** *ms 24- 25*

(i)
F1 Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen/ hak asasi rakyat
F2 Berlaku kerana Raja James II membelakangkan parlimen
F3 Ahli parlimen bangkit menentang raja berkuasa mutlak
F4 Mendapat sokongan Mary II/ suaminya Raja William of Orange
F5 Raja James II melarikan diri ke Perancis

(ii)
F1 Penentangan orang Amerika terhadap British
F2 British tidak melindungi hak orang Amerika
F3 Menentang Akta untuk memungut cukai/ Akta Pelayaran/ Akta Gula/ Akta Setem/ Akta Teh
F4 Slogan ' tiada cukai tanpa perwakilan'
F5 Menubuhkan kongres di bawah George Washington

**(c)** *KBAT*

- Mengamalkan sikap sehati sejiwa
- Hidup bermaruah
- Berpegang kepada prinsip bersih, cekap dan amanah
- Berani melawan musuh
- Menjadikan nasionalisme asas perpaduan

## Nota Ekstra

| TAFSIRAN BERKAITAN NASIOANALISME | | | REVOLUSI PERANCIS 1789 |
|---|---|---|---|
| **Hans Kohn**<br>• Meletakkan kesetiaan hanya kepada negara/bangsanya<br>**Prof William R. Roff**<br>• Kebangkitan nasionalisme Melayu lebih kepada kesedaran dan ketegasan diri.<br>• Kerana ancaman atas kepentingan orang Melayu<br>**Dato' Onn Jaafar**<br>• Kita hendak menzahirkan bangsa yang lebih tegap,kuat,berdiri sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar. | **Burhanuddin al-Helmi**<br>• Perjuangan menentang penjajah hendaklah ada persatuan/perpaduan yang kuat.(National Front)<br>**Dr. R. Suntharalingam**<br>• Merupakan fenomena sejagat yang mengiktiraf setiap bangsa di dunia.<br>• Untuk menubuhkan negara sendiri/ kedaulatan di pindahkan kpd rakyat | **Prof. Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid**<br>• Kesetiaan kepada Raja adalah ciri nasionalisme Melayu<br>• Berpegang kepada fahaman kebangsaan 'Tanah Melayuan'<br>**Khoo Kay Khim**<br>• Perjuangan orang Melayu medapat kembali kedudukan unggul dalam negara sindiri | • Memperjuangkan kebebasan dan persamaan serta persaudaraan-pemikir Jean Jaques Rousseau/ Voltaire<br>• The Social Contract- Keunggulan suara rakyat jamin kesejahteraan (Hasrat Umum)<br>• Lebih penting daripada institusi raja/ birokrasi<br>• Sasaran golongan revolusi ialah pemerintahan autokratik Raja Louis XVI<br>• Golongan revolusi menggempur penjara Bastile/ mengguling Louis XVI<br>• Kemunculan Republik Perancis- pemerintahan beraja berakhir. |



CamScanner

## Soalan Struktur

2 Jadual berkaitan perkembangan nasionalisme di Filipina.

| Tokoh | Gerakan Nasionalisme |
|---|---|
| Jose Rizal | Gerakan Propaganda |
| Bonifacio dan Aguinaldo | Radikal |
| Sergio Osmena | Diplomasi |

(a) Apakah perkara yang menjadi tuntutan Gerakan Propaganda?

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kesan kegagalan perjuangan Gerakan Propaganda terhadap perkembangan nasionalisme di Filipina?

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[4 *markah*]

(c) Pada pendapat anda adakah gerakan nasionalisme tersebut berjaya?

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[4 *markah*]

**Nasionalisme di Burma**

**Isu Kasut**
- Perbuatan orang British yang memakai kasut semasa memasuki kuil Buddha.
- Perbuatan ini dianggap mencemari kesucian agama Buddha

**(a)** *ms 28*

F1 Filipina dijadikan sebahagian wilayah Sepanyol
F2 Bangsa Filipina diberi hak yang sama dengan bangsa Sepanyol
F3 Mendesak Sepanyol melakukan perubahan politik/ ekonomi/ sosial di Filipina

**(b)** *ms 28*

F1 Melahirkan nasionalisme lebih radikal
F2 Bonifacio telah menubuhkan Katipunan
F3 Bertujuan untuk memperoleh kemerdekaan Filipinan melalui revolusi
F4 Katipunan menggunakan akhbar Kalayan
F5 Untuk menyebarkan idea revolusi kepada rakyat
F6 Bonifacio/ Aguinaldo melancarkan revolusi pada tahun 1896/ gagal

**(c)** *KBAT*

F1 Berjaya,
- Gerakan Propaganda dan radikal berjaya menyemarakkan semangat nasionalisme.
- Mengubah strategi perjuangan/ menggunakan saluran diplomasi
- Melalui parti politik sederhana/ Parti Nasionalis/mengamalkan pendekatan kerjasama
- Dipimpin Sergio Osmena/ dilantik menggangotai Dewan Perhimpunan Filipina
- Meneruskan tuntutan kemerdekaan

## Nota Ekstra

**NASIONALISME DI BURMA**
- Perjuangan kelas menengah/ sami Buddha(pongyi)/ Thakin(siswazah universiti/ petani menentang British
- Digerakkan golongan menengah berpendidikan Barat
- Persatuan Belia Buddha untuk kekalkan tradisi Buddha/ pendidikan/ kebudayaan Burma
- Menggunakan isu kasut
- Pemimpin radikal, U Ba Pe namakan persatuan tersebut sebagai Majlis Persatuan Am Kesatuan Burma
- Revolusi Pelajar(1920) menuntut penubuhan universiti
- Majlis Am Sangha Samagyi/ mencetuskan Pemberontakan Saya San/ sokongan petani yang terbeban dengan cukai

**NASIONALISME DI VIETNAM**
- Dipelopori bangsawan dan Mandarin
- Memperjuangkan pemulihan pemerintahan beraja
- Idea melalui akhbar Tribune Indige/ Cloche Felee
- Mengkritik penindasan Perancis dan menuntut hak rakyat
- Selepas PD I, Gerakan revolusi didukung nasionalis/ komunis
- Parti nasionalis -Viet Nam Quoc Dang Dang/Nguyen Thai Hoc
- Komunis pula diterajui Parti Komunis Vietnam/ Ho Chi Minh
- VNQDD berteraskan demokrasi/ nasionalisme/sosiolisme
- Pemberontakan 1930 untuk mengusir Perancis

**NASIONALISME DI INDONESIA**
- Isu pendidikan- Pendidikan mengubah nasib rakyat
- Raden Adjeng Kartini- memajukan pendidikan wanita/ Karyanya Habis Gelap Terbitlah Terang
- Mendedahkan dasar diskriminasi penjajah/ menindas/ kemunduran
- Muhammadiyah pertubuhan tersusun/ mempertahankan Islam daripada sekularisme
- Lebih radikal - penubuhan Sarekat Islam, PKI dan PNI
- 1928- Kongres Pemuda Indonesia/ ikrar 'Sumpah Pemuda'/Satu Tanah Air/ Satu Bangsa/ Satu Bahasa
- Soekarno mempelopori pembentukan Permuafakatan Perhimpunan Partai Kebangsaan Indonesia/ memperjuangkan kemerdekaan

CamScanner

## Soalan Struktur

3 Penyataan berikut berkaitan dengan perkembangan nasionalisme di Thailand

> Pemodenan yang dilaksanakan oleh raja Thailand dalam aspek politik, ekonomi dan sosial telah menyelamatkan Thailand daripada dijajah oleh kuasa-kuasa Barat pada ketika itu berlumba-lumba menguasai Asia Tenggara untuk tanah jajahan dan kepentingan ekonomi. Dengan ini, Thailand ialah satu-satunya negara Asia Tenggara yang tidak pernah dijajah secara rasmi kerana mempunyai pemimpin berfikiran jauh dan berwibawa.
> Sumber:https://www.academia.edu/37688907/SEJARAH_ASIA_TENGGARA

(a) Namakan **dua** tokoh pemodenan dalam gerakan nasionalisme di Thailand?

(i) ..............................................................................

(ii) ..............................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan pemodenan pentadbiran yang dilaksanakan oleh tokoh di 3 (a).

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

[4 *markah*]

(c) Bagaimanakah pemodenan yang dilaksanakan berjaya menyelamatkan Thailand daripada penjajahan?

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

[4 *markah*]

**Nasionalisme Zaman Kesultanan Melayu Melaka**

- Pemimpin Melaka iaitu Sultan Muzaffar Shah/ Mahmud Shah melakukan serangan 3 kali untuk mendapatkan semula Melaka daripada Portugis tetapi gagal

**(a)** *ms 31*

F1 Raja Mongkut
F2 Raja Chulalongkorn

**(b)** *ms 31*

**Raja Mongkut**

- Membina hubungan baik dengan kuasa Barat
- Memulakan langkah pemodenan
- Melaksanakan birokrasi Barat
- Penasihat Barat di bawa masuk untuk melatih pegawai tempatan
- Dalam bidang pentadbiran kewangan / pelabuhan / kastam / ketenteraan / polis
- Membawa masuk guru dari British
- Melaksanakan pendidikan Barat

**Raja Chulalongkorn**

- Meneruskan pemodenan negara dan dasar terbuka
- Menjadikan Thailand bebas daripada penjajahan Barat

**(c)** *KBAT*

- Pentadbiran sistematik/ tiada alasan Barat untuk campurtangan
- Hubungan baik dengan barat/ hubungan diplomatik erat
- Strategi membawa masuk penasihat dari pelbagai kuasa barat/ menjadikan kuasa berhati-hati / mengelakkan peperangan sesama sendiri
- Pemimpin berfikiran jauh/ berwibawa seperti Raja Mongkut/ Raja Chulalongkorn

Mana-mana jawapan munasabah

## Nota Ekstra

**FAKTOR KEMUNCULAN GERAKAN NASIONALISME DI NEGARA KITA**

**Peranan Agama**

- Penuntut di Mesir terdedah dengan gerakan Islah pimpinan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani/ Sheikh Muhammad Abduh/ Rashid Rida
- Gerakan Islah / kembali kepada Islam - Quran/ Hadis/ menentang imperialisme

**Sistem Pendidikan**

- Pendidikan moden Islam- madrasah meniupkan semangat pelajar- Madrasah al-Attas Johor Bahru
- Idea nasionalisme melalui kunjungan ulama Kaum Muda dari Sumatera Barat/ pelajar dari Mesir
- Idea kemajuan/ pemodenan masyarakat
- Raffles Institution di Singapura/ Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)
- Lahirkan pemimpin tuntut hak pendidikan

**Kemunculan Golongan Intelektual**

- Lahir intelektual lepasan Timur Tengah seperti Syed Syeikh al-Hadi Intelektual lepasan Pendidikan Inggeris/ Melayu seperti Abdul Kadir Adabi

**Pengaruh Luar dan Serantau**

- Kebangkitan Pan-Islamisme di Turki / supaya bersatu
- Gerakan Islah di Mesir/ Kemunculan Jepun
- Revolusi China oleh Dr Sun Yat Sen
- Mahatma Ghandi di India

| JAWAPAN OBJEKTIF B2 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A | C | C | B | B | D | D | A | C | C |

CamScanner

## Soalan Esei

1 Maklumat berikut merujuk kepada perkembangan nasionalisme di negara kita yang dipelopori oleh golongan intelektual.

- Intelektual Berpendidikan Agama
- Intelektual Berpendidikan Inggeris
- Intelektual Berpendidikan Melayu

(a) Bagaimanakah tokoh intelektual berpendidikan agama berperanan dalam gerakan nasionalisme di negara kita?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[6 *markah*]

(b) Perkembangan nasionalisme di negara kita juga digerakkan melalui penubuhan persatuan sosiobudaya dan kemudiannya politik.

Terangkan peranan persatuan-persatuan tersebut.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[6 *markah*]

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

> Anak muda merupakan teras kepada banyak gerakan nasionalisme melawan kolonialisme di banyak negara dunia ketiga. Malangnya, naratif anak muda dalam gerakan nasionalisme di Malaysia, meskipun disebut sedikit di sana sini, kurang diberi penghargaan selayaknya - sebagaimana yang berlaku di negara pasca-kolonial lainnya. Naratif ini sering pula lenyap dengan naratif kaum mahupun ideologi. Sebagai bandingan, pemerhatian umum terhadap episod berterusan sepanjang gerakan nasionalisme di Asia Timur dan Asia Tenggara jelas membuktikan peranan penting anak muda dalam mencapai perubahan sama ada dalam bentuk melawan penjajahan mahupun mengisi kemerdekaan,
>
> Sumber: https://www.astroawani.com.

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan sekiranya generasi muda tidak mempunyai semangat nasionalisme.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[8 *markah*]

**(a)** ***ms 36***

F1 Tokoh Kaum Muda/ idea melalui gerakan Islah/ Islam asas perjuangan dunia akhirat
F2 Tokoh- Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin/Syed Sheikh al-Hadi/ Haji Abbas Mohd Taha
F3 Kepentingan pendidikan dengan menubuhkan madrasah/ Madrasah al-Attas di Johor Bahru/ Madrasah al-Khairiah al-Islamiyah di Pokok Sena, Kedah
F4 Kemajuan/ pemodenan sikap/ pentafsiran terhadap Islam
F5 Wanita diberi peluang ke madrasah
F6 Berusaha menyatukan rumpun Melayu
F7 Idea melalui akhbar/ majalah- Al-Imam/ Al-Ikhwan/ Neracha/Tunas Melayu

**(b)** ***ms 40***

**Kesatuan Melayu Singapura**
- Menggalakkan ahli aktif dalam pentadbiran/ jaga kepentingan orang Melayu dalam politik/ pendidikan/mementingkan pelajaran teknik/ pengajian tinggi

**Persaudaraan Sahabat Pena**
- Menggalakkan ahli bersatu/bertukar-tukar pendapat/ adakan perhimpunan tahunan
- Menyatukan pergerakan orang Melayu melalui kongres/ menghimpunkan wakil persatuan Melayu/Brunei/Labuan/ Sarawak

**Kesatuan Melayu Muda**
- Menentang British/ mewujudkan satu gagasan Melayu Raya/ gabungan Tanah Melayu dan Indonesia
- Menyeru orang Melayu "bangun sebagai satu bangsa yang mempunyai tamadun dan kesopanan di tanah airnya"

**(c)** ***KBAT***

**Maklumat**
- Anak muda teras gerakan nasionalisme dikebanyakan negara dunia ketiga/ melawan penjajah/ mengisi kemerdekaan
- Naratif anak muda dalam gerakan nasionalisme di negara kita kurang diberi penghargaan
- Dilenyapkan dengan naratif kaum
- Gerakan nasionalisme di Asia Timur dan Asia Tenggara membuktikan peranan anak muda dalam mencapai perubahan

**Kesan**
- Negara mudah diceroboh oleh anasir asing
- Kedaulatan negara akan tergugat
- Pembangunan negara akan terbantut
- Imej negara jatuh/ dipandang rendah

## Nota Ekstra

**Persatuan Masyarakat Cina**
- Tumpukan perhatian keadaan di China
- Dr. Sun Yat Sen berusaha menjalinkan hubungan dgn pemimpin Cina tempatan
- Memberi perhatian kepada kebajikan orang Cina
- Tan Cheng Lock berusaha menghidupkan cawangan SCBA di Melaka

**Persatuan Masyarakat India**
- Menjaga kepentingan masyarakat India / Persatuan India Taiping/ Persatuan India PP
- 1927 Persidangan India SeMalaya di Kuala Lumpur/ membincangkan isu masyarakat India
- G.V Thaver menubuhkan MIA untuk golongan India yang lahir di TM

**Persatuan Masyarakat Sikh dan India Muslim**
- Masyarakat Sikh berkhidmat pasukan keselamatan
- Menjadikan berek polis / kuaters/ gurdwara tempat aktiviti sosial/ agama
- India Muslim melibatkan diri dalam perniagaan/ pentadbiran / Sir Hussein Hasanal Abdoolcader ahli dalam Majlis Perundangan NNS

CamScanner

## T4 B3 KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

***Soalan Objektif***

1. Bagaimanakah British berusaha membendung idea gerakan Islam dari Timur Tengah sejak awal abad ke-20. ms 52

A Mendaftarkan pertubuhan
B Menyekat kemasukan ulama
C Mengharamkan gerakan Pan- Islamisme
D Memperkenalkan Enakmen Undang-undang Islam

2. Apakah faktor tercetusnya Perang Dunia Pertama di Eropah pada tahun 1914 hingga tahun 1918? ms 54

A Pembentukan ideologi baharu
B Persaingan kuasa imperialisme
C Kegagalan Liga Bangsa -Bangsa
D Ketidakpuasan hati Perjanjian Versailles

3. Pertubuhan berikut dibentuk selepas Perang Dunia Pertama.

| Liga Bangsa-Bangsa |
|---|

Apakah matlamat penubuhan badan tersebut? ms 56

A Memulihkan pakatan tentera
B Menetapkan sempadan negara
C Menggalakkan keamanan dunia
D Menyalurkan bantuan kemanusiaan

4. Bagaimanakah tokoh berikut mengetepikan Perjanjian Versailles yang telah ditandatangani pada tahun 1919? ms 58


Adolf Hitler

A Memperkukuh sistem monarki
B Menyertai kuasa Bersekutu
C Melancarkan gerakan revolusi
D Menduduki wilayah Rhineland

5. Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) juga dikenali sebagai Perang Pasifik.

Mengapakah perang tersebut berlaku? ms 64

A Perluasan ideologi komunis
B Keperluan bidang perindustrian
C Kegagalan perjanjian damai
D Pembunuhan bakal maharaja

6. Apakah matlamat pentadbiran tentera Jepun menubuhkan institusi di bawah? ms 71

| Institut Latihan Pemimpin-Pemimpin Muda (Koa Kunrenjo) |
|---|

A Membentuk tentera baharu
B Menghalang kemaraan komunis
C Menguruskan pentadbiran negara
D Melatih penduduk tempatan

7. Mengapakah pentadbiran tentera Jepun memberikan layanan yang kejam kepada kaum Cina di Tanah Melayu? ms 73

A Mengelakkan penyatuan kaum
B Sistem sosial yang berbeza
C Melaksanakan dasar pecah perintah
D Sejarah permusuhan perang

8. Gambar berikut merupakan individu yang berperanan penting semasa pendudukan Jepun di negara kita.


Sybil Kathigasu

Apakah peranan yang dimainkan oleh individu tersebut? ms 78

A Memberi bantuan perubatan
B Mengetuai rundingan damai
C Memimpin kumpulan pemberontak
D Menyebarkan propaganda penentangan

9. Apakah matlamat penubuhan *Giyu Gun* atau Pembela Tanah Air (PETA)? ms 80

A Melatih rakyat berkhidmat dengan Jepun
B Membantu pertahanan tentera Jepun
C Membangunkan ekonomi Indonesia
D Menuntut kemerdekaan bersama Indonesia

10. Bintang Tiga telah menguasai Tanah Melayu hampir 14 hari kerana kelewatan pendaratan semula tentera British.

Bagaimanakah penguasaan tersebut dilakukan? ms 84

I Menguasai balai polis
II Membunuh pegawai daerah
III Membuat kad catuan makanan
IV Membentuk kampung baharu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



CamScanner

## Soalan Struktur

1 Keratan akhbar di bawah menunjukkan kenyataan pihak Jerman menyerah kalah dalam Perang Dunia Pertama yang tercetus pada tahun 1914 sehingga tahun 1918.


The Courier-Mail

GERMANY ANNOUNCES COMPLETE SURRENDER

FOREIGN MINISTER TELLS HIS PEOPLE

Sumber: https://www.google.com/=the+courier+mail+german+surrender

(a) Nyatakan **dua** faktor tercetusnya perang tersebut.

(i) ........................................................................................................

(ii) ........................................................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kesan kekalahan Jerman dan sekutunya dalam peperangan tersebut.

........................................................................................................

........................................................................................................

........................................................................................................

........................................................................................................

........................................................................................................

[4 *markah*]

(c) Perang Dunia Pertama telah memberikan iktibar kepada kita tentang pentingnya perdamaian dan keamanan dunia.
Berikan ulasan anda.

........................................................................................................

........................................................................................................

........................................................................................................

........................................................................................................

........................................................................................................

[4 *markah*]

**Pakatan Ketenteraan PD1**

**Pakatan Kuasa Tengah**
- Jerman dan Austria-Hungary
- Bulgaria
- Empayar Turki Uthmaniyah

**Pakatan Bertiga**
- Britain, Perancis dan Rusia
- Disokong Serbia, Itali, Romania, Portugal dan Greece

**(a)** *ms 54*

F1 Persaingan kuasa imperialis
F2 Pakatan ketenteraan
F3 Krisis rantau Balkan

**(b)** *ms 57*

F1 Menamatkan sistem pemerintahan beraja di Jerman, Austria-Hungary, Rusia/ empayar Uthmaniyah.
F2 Kerajaan Republik Jerman didirikan
F3 Kaiser Wilhem II terpaksa turun takhta/ dapat perlindungan politik di Belanda.
F4 Empayar Austria-Hungary di bawah pemerintahan Dinasti Habsburg berakhir
F5 Revolusi tercetus di Rusia menumbangkan pemerintahan beraja Tsar Nicholas II
F6 Terbentuk kerajaan komunis- pimpinan Vladimir Lenin.
F7 Khalifah empayar Uthmaniyah, Sultan Mehmed VI digulingkan
F8 Kerajaan Turki bercorak republik diketuai oleh Mustafa Kemal Ataturk.

**(c)** ***KBAT***

F1 Berusaha menyelesaikan sesuatu pertikaian melalui perundingan
- Tidak bertindak terburu-buru/ mengeruhkan keadaan
- Pemimpin yang bijaksana bertindak tanpa emosi
- Suasana tegang dapat di atasi/ tanpa perang
- Kesengsaraan/ kehilangan nyawa dielakkan

F2 Tidak campur tangan terhadap negara lain
- Semua negara mempunyai kedaulatan
- Menyelesaikan masalah sendiri
- Kesannya dunia aman/ tenteram

## Nota Ekstra

**FAKTOR TERCETUS PERANG DUNIA PERTAMA**

**1. Persaingan Kuasa Imperialis**
- Persaingan kuasa imperialis / Revolusi Industri
- Bersaing untuk mendapatkan tanah jajahan
- Bagi menguasai bahan mentah / arang batu / petroleum / bijih timah
- Ingin memasarkan hasil industri.
- Membawa permusuhan di Eropah seperti Perancis / Jerman

**2. Pakatan Ketenteraan**
- Permusuhan membawa pembentukan pakatan ketenteraan
- Wujud pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga.
- Berlaku ketidakstabilan politik.
- Persaingan mendapatkan tanah jajahan / menghasilkan senjata moden
- Berperang mempertahankan kepentingan masing-masing.

PD1

**3. Krisis Rantau Balkan**
- Akibat permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia.
- Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb supaya berjuang membebaskan diri daripada pemerintahan Austria-Hungary.
- Kemuncaknya pembunuhan Archduke Ferdinand, Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya Sophie oleh pemuda Serbia.
- Membawa Eropah ke dalam kancah Perang Dunia Pertama

| JAWAPAN OBJEKTIF B3 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | D | B | C | D | B | D | D | A | B | B |



CamScanner

## Soalan Struktur

**2** Pada 3 September 2021 menandakan ulang tahun ke-76 tamatnya perang Dunia Kedua. Ketika kita memperingati kejayaan pihak Berikat menghancurkan kuasa Paksi, kita juga turut sama berkongsi rasa dukacita yang mendalam disebabkan hampir setiap negara di dunia merasai derita hari-hari perang berkenaan.

Sumber : https://www.astroawani.com.

(a) Apakah faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah?

..........

..........

..........

[2 *markah*]

(b) Bagaimanakah strategi perang yang digunakan oleh Kuasa Bersekutu?

..........

..........

..........

..........

..........

..........

[4 *markah*]

(c) Konflik dunia yang berlaku pada hari ini berpotensi untuk mencetuskan perang yang lebih besar, seperti Perang Dunia Ketiga jika tidak ditangani dengan bijaksana.

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

..........

..........

..........

..........

..........

..........

..........

..........

..........

[4 *markah*]

**Pakatan Ketenteraan PD2**

- Kuasa Bersekutu- AS, Britain, Rusia
- Kuasa Paksi- Jerman, Itali dan Jepun

**(a)** ***ms 58***

**F1 Kemunculan ideologi baru**
- Fasisme di Itali /pimpinan Benito Mussolini
- Nazisme di Jerman / Adolh Hitler/ Parti Nazi/ mengagung bangsa Jerman

**F2 Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles**
- Jerman anggap tidak adil/ menjejaskan negaranya
- Kehilangan tanah jajahan/ membayar pampasan perang yang tinggi

**F3 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa**
Gagal menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata dan tangani

**(b)** ***ms 62-63***

**F1 Kerjasama Kuasa Besar**
- Presiden Amerika Syarikat dan PM Britain, sering bertemu membuat keputusan politik/ ketenteraan.
- Melibatkan Presiden Rusia, Joseph Stalin.

**2. Menggagalkan Operasi Menawan Rusia**
- Tempoh perang yang panjang menyebabkan tentera Jerman kehabisan peluru, minyak dan makanan
- Ini melemahkan semangat tentera Jerman

**3. Keberkesanan Strategi Peperangan**
- Kesilapan Kuasa Paksi membuat keputusan politik dan ketenteraan

**4. Kejayaan Operasi Pendaratan Tentera Bersekutu**
- Operasi diberikan nama kod "D-Day".

**(c)** ***KBAT***

F1 Konflik Rusia-Ukraine
- Melibatkan campur tangan kuasa besar lain/ Amerika Syarikat
- Membentuk kumpulan yang menyokong Rusia dan menyokong Ukraine
- Memberi sokongan moral/ senjata
- Kesannya, PBB perlu berperanan sebagai orang tengah/ berkecuali membuat rundingan damai yang adil

F2 Keganasan Israel ke atas Palestin
- Rasa tidak puas negara/ orang Islam
- Membuat serangan balas terhadap Israel/ negara yang menyokong Israel
- Kesimpulannya, negara Islam/ OIC bersatu menghentikan keganasan Israel

### Nota Ekstra

**PERISTIWA PERANG DUNIA KEDUA DI EROPAH**

**1. Penaklukan Jerman terhadap Eropah**
- Jerman memulakan serangan bagi menakluki negara di Eropah Barat
- Menawan Poland, Denmark, Norway, Belanda, Belgium, Perancis.

**2. Pengeboman Britain**
- Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain pada bulan September 1940 sehingga Jun 1941.

**3. Serangan Jerman ke atas Rusia**
- Jerman melancarkan Operasi Barbarossa.
- Serangan besar-besaran menawan Rusia.

**4. Penyertaan Itali dalam Perang**•Itali sekutu Jerman mengisytiharkan perang terhadap Britain dan Perancis

**IDEOLOGI BARU**

**Fasisme**- Memberikan keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu

**Nazisme** - Pimpinan Adolf Hitler. Parti Nazi berjaya membentuk kerajaan di Jerman (1933) dan mengagungkan bangsa Jerman

**OPERASI KOD "D-DAY**

- Tentera Bersekutu berjaya mendarat di Normandy, Perancis, pada Jun.
- Tentera Bersekutu berjaya memperdayakan tentera Jerman
- Menyebarkan maklumat meyakinkan tentera Jerman bahawa pendaratan tentera Bersekutu akan berlaku di Calais, bukannya di Normandy.
- Kejayaan tersebut meningkatkan semangat tentera Bersekutu

## Soalan Struktur

3 Peta berikut menunjukkan bermulanya Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945) yang berpunca daripada peluasan kuasa yang dilaksanakan oleh Jepun.




(a) Mengapakah Jepun melaksanakan dasar peluasan kuasa?

..........................................................................................

..........................................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan peristiwa bermulanya Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

(b) Perang Dunia Kedua memberi kesan besar terhadap negara kita? Buktikan..

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

### Orde Baharu

- Orde baharu bermaksud rancangan Jepun untuk menyingkirkan kuasa imperialis Barat di Asia Tenggara.
- Seterusnya,menganjurkan perkongsian kuasa dan kekayaan yang lebih adil dalam kalangan negara di Asia.

**(a)** ***ms 64***

F1 Keperluan bahan mentah untuk industri
F2 Pengaruh golongan tentera/ Jeneral Hideki Tojo menjadi PM
F3 Mempunyai sistem ketenteraan moden
F4 Orde Baharu Asia/ penentangan terhadap imperialisme Barat

**(b)** ***ms 66***

F1 Bermula apabila Jepun menyerang TM/ mendarat di Kelantan
F2 Serangan Jepun ke atas pangkalan tentera laut AS di Pearl Harbour
F3 Bertujuan melumpuhkan armada laut AS di Pasifik
F4 Serangan ke atas tanah jajahan AS, Britain dan Belanda
F5 Antaranya ialah Filipina/Hong Kong
F6 Membawa penglibatan AS dalam perang Asia Pasifik/ isytihar perang ke atas Jepun
F7 Jepun berjaya membentuk empayar

**(c)** ***KBAT***

F1 Penguasaan Bintang Tiga
- Menggunakan undang-undang sendiri/ mahkamah dikendali Komuni
- Hukuman mati kepada yang bekerjasama dengan Jepun

F2 Penyatuan orang Melayu
- Membentuk Gerakan Fi-Sabilillah
- Mempertahankan maruah bangsa/ kepimpinan ulama/ Kiai Salleh

F3 Keretakan hubungan kaum
- Bintang Tiga membunuh polis/ askar/ pegawai daerah/ pasukan sukarelawan Melayu.
- Pelbagai usaha dilakukan untuk mengembalikan keharmonian/ oleh Dato' Onn/ Raja-raja Melayu

## Nota Ekstra

**PENENTANGAN INDIVIDU TERHADAP JEPUN**

**i) Gurchan Singh**
- Menyebarkan risalah dan propaganda
- Nama samaran "Lion of Malaya".
- Beritahu penduduk tentang fakta sebenar perang dan pendudukan tentera Jepun.
- Menyamar sebagai wartawan untuk menghadiri sidang akhbar **tentera Jepun**
- Melakukan sabotaj landasan kereta api yang menjejaskan pengangkutan tentera Jepun.

**(ii) Sybil Kathigasu**
- Jururawat yang berani dan cekal
- Membantu mangsa perang dan gerila anti-Jepun di Perak
- Sybil dan suaminya Dr. Abdon Clement Kathigasu mengendalikan klinik di Ipoh
- Bantuan ubat dan perkhidmatan
- Menyembunyikan radio dan berkongsi maklumat daripada siaran radio British
- Sybil dan suaminya ditangkap dan diseksa sehingga suaminya meninggal
- Sybil dibebaskan apabila tentera Jepun kalah dan diberi rawatan di Britain

**Operasi Semut di Sarawak**
- Siri operasi tinjauan oleh Unit Khas Z Australia
- Agen Tentera Bersekutu menentang Jepun di Sarawak
- Dilaksanakan oleh (SRD)
- Mengumpul risikan dan melatih orang tempatan melancarkan perang gerila
- Bulan Mei 1945, anggota SRD mendarat di kawasan tengah dan timur Sarawak
- Tujuan mengatur penentangan dan persediaan pendaratan pasukan Bersekutu



CamScanner

## Soalan Esei

1 Serangan tentera Jepun di Tanah Melayu bemula pada 8 Disember 1941. Keseluruhan Tanah Melayu jatuh ke tangan tentera Jepun pada 15 Februari 1942.

(a) Bagaimanakah Jepun melakukan serangan terhadap negara kita?

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[6 *markah*]

(b) Terangkan dasar pentadbiran yang telah diperkenalkan oleh Jepun setelah berjaya menguasai Tanah Melayu.

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[6 *markah*]

(c) Gambar berikut merupakan poster propaganda tentera Jepun di negara kita.






Jelaskan sebab tentera Jepun mengeluarkan poster di atas dan mengapakah rakyat tempatan tertarik dengan propaganda tersebut?

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[8 *markah*]

### Kempetai

- Pasukan polis tentera untuk menjaga kepentingan pentadbiran tentera Jepun.
- Pasukan ini bertindak ganas dan kejam, menyeksa/ membunuh sesiapa disyaki sebagai antipentadbiran tentera Jepun.

**(a)** *ms 69*

F1 Tentera Jepun mendarat di Kota Bharu
F2 Mara ke selatan mengikut jalan darat negeri-negeri Pantai Timur
F3 Tentera Jepun juga mendarat di Thailand memasuki Kedah
F4 Berpecah dua pasukan mara ke selatan
F5 Sepasukan ke P.Pinang/ pesisiran pantai
F6 Satu pasukan mengikuti jalan darat/ bandar utama pantai barat
F7 Menenggelamkan kapal Repulse/ Prince of Wales di perairan Kuantan
F8 Di Sarawak/ Sabah, tentera Jepun mendarat di Miri
F9 Sepasukan menduduki Kuching/ Sibu
F10 Sepasukan mara ke Sabah melalui Labuan/ penguasaan di Sandakan melengkapkan kempen Jepun di Sabah

**(b)** *ms 70-71*

F1 Pentadbiran Tentera Jepun
- Pemerintahan Tentera Tanah Melayu
- Awalnya TM digabung dengan Sumatera
- Di bawah pentadbiran pasukan tentera Jepun ke-25 di Singapura
- April 1944, TM dan Sumatera ditadbir secara berasingan
- Singapura (Syonan-to) diasingkan

F2 Dasar terhadap Raja-raja Melayu
- Mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu ketua agama Islam dan adat Melayu
- Diberikan bayaran pencen
- Sultan di bawah Gabenor Jeneral

F3 Dasar terhadap kepimpinan tempatan
- Peluang kenaikan pangkat kepada pemimpin tempatan
- Usaha mengatasi kekurangan pegawai / mendapatkan sokongan penduduk
- Menubuhkan Institut Latihan Pemimpin Muda / Koa Kunrenjo

**(c)** *KBAT*

F1 Menggambarkan Jepun sebagai penyelamat/ pembela Asia/ memberi kemerdekaan
- Rakyat bekerjasama / menghalau Barat
- Slogan 'Semangat Asia' dan 'Asia untuk Orang Asia'
- Berjaya mencapai cita-cita Jepun/ imej meningkat

F2 Rakyat tertarik kerana poster bertulisan jawi/ menggunakan nama Allah dan rasa Islam terpelihara
- Bersama Jepun menentang Barat/ kafir
- Yakin hidup aman/bebas dan merdeka di bawah Jepun
- Kesimpulannya, kita perlu waspada dengan tipu daya asing

### Nota Ekstra

**Dasar Ekonomi**
- Sistem ekonomi kawalan
- Rancangan Pengeluaran Lima Tahun/ Jawatankuasa Penyelidikan Bahan diperkenalkan
- Rancangan Perindustrian Lima Tahun
- Mata wang Jepun/ wang pokok pisang

**Dasar Sosial**
- Tutup sekolah Inggeris dan Cina.
- Pengajaran Bahasa Jepun (Nippon Go)
- Bahasa Jepun sebagai lingua franca
- Catuan dan Penghasilan Makanan
- Ordinan Kawalan Barangan dan Bahan Penting

**Sikap Jepun terhadap Agama**
- Menghormati Islam dan adat Melayu
- Tidak campur tangan dalam adat resam Melayu
- Kelas pengajian Al-Quran dan sekolah agama diteruskan
- Majlis Agama Negeri dibentuk

## T4 B4 ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI NEGARA KITA

### *Soalan Objektif*

1. Maklumat berikut merujuk kepada pentadbiran yang dilaksanakan oleh British di Tanah Melayu.

| 12 September 1945 |
|---|
| Tanah Melayu diletakkan di bawah British Military Administration (BMA) |

Apakah tujuan pelaksanaan pentadbiran tersebut? ms 94

A Mengembalikan kestabilan
B Memantapkan perpaduan
C Meningkatkan ekonomi
D Mengukuhkan demokrasi

2. Mengapakah British melakukan perubahan pentadbiran dari British Military Administration (BMA) ke Malayan Union? ms 94

A Mengurangkan kos pentadbiran
B Melindungi hak istimewa peribumi
C Memperkukuh institusi beraja
D Memantapkan sistem pertahanan

3. Maklumat berikut berkaitan dengan satu sistem pemerintahan di Tanah Melayu.

- Diketuai oleh Gabenor British
- Kewarganegaraan jus soli

Maklumat tersebut merujuk kepada ms 96

A Malayan Union
B Pentadbiran Tentera British
C Negeri-negeri Melayu Bersekutu
D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

4. Apakah kesan perubahan pentadbiran berikut? ms 97

Pentadbiran Tentera British (BMA) ➡ Malayan Union

A Mengukuhkan kuasa pembesar tempatan
B Mengekalkan keistimewaan penduduk asal
C Meningkatkan taraf hidup rakyat
D Mengurangkan kuasa raja

5. Sir Harold Mac Michael telah mendapatkan persetujuan sultan bagi melaksanakan Malayan Union di Tanah Melayu?

Bagaimanakah beliau mendapatkan persetujuan tersebut? ms 98

A Menawarkan jawatan
B Menjamin keselamatan
C Menggunakan ugutan
D Memberi ganjaran

6. Bagaimanakah Raja-Raja Melayu menunjukkan penentangan terhadap Malayan Union? ms 100

A Meminta bantuan daripada pihak luar
B Menggunakan kekuatan tentera
C Menganjurkan dialog terbuka
D Menghantar surat bantahan

7. Tokoh wanita berikut memainkan peranan penting pada zaman penjajahan British di Tanah Melayu.



Datin Puteh Mariah



Halimahton Abd Majid

Apakah peranan mereka? ms 103

A Mengetuai kumpulan radikal
B Menentang pelaksanaan Malayan Union
C Membantah penyerahan Sarawak kepada British
D Mewakili kerajaan dalam rundingan dengan komunis

8. Mengapakah Charles Vyner Brooke bertindak menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British? ms 107

A Menangani ancaman lanun
B Memenuhi keperluan ekonomi
C Melindungi penduduk tempatan
D Menghadapi masalah kewangan

9. Apakah sumbangan tokoh-tokoh berikut? ms 112

- Morshidi Sidek
- Bujang Suntong

A Mengasaskan Rukun 13
B Menangani gerakan anti Jepun
C Mengetuai pentadbiran kerajaan Borneo
D Menubuhkan cawangan MPAJA di Sarawak

10. Rakyat Sabah tidak melakukan penentangan ekoran penyerahan Sabah kepada British.

Mengapakah keadaan tersebut berlaku? ms 116

I Tidak memahami tujuan penyerahan
II Kekurangan pengalaman
III Bimbang tindak balas penjajah
IV Pertelagahan sesama sendiri

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

CamScanner

### Soalan Struktur

1 Maklumat berikut menjelaskan bentuk pentadbiran British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

| | |
|---|---|
| 12 September 1945 | British memutuskan untuk melaksanakan British Military Administration (BMA) |

(a) Apakah tujuan British melaksanakan pentadbiran tersebut?

(i) ..............................................................................

(ii) ..............................................................................

[2 *markah*]

(b) Gambar berikut menunjukkan sambutan rakyat Tanah Melayu terhadap kedatangan tentera British pada tahun 1945.



*Sumber: Arkib Negara*

Pada pandangan anda, mengapakah rakyat Tanah Melayu tidak menentang kedatangan tentera British pada waktu itu?

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

[4 *markah*]

(c) Pentadbiran Tentera British (BMA) gagal melaksanakan tugasnya ketika penduduk tempatan mengharapkan bantuan mereka. Jelaskan sebab berlakunya kegagalan tersebut?

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

..............................................................................

[4 *markah*]

**British Military Administrstion**

- Bermula pada 12 Sept 1945 selepas kekalahan Jepun dalam perang Dunia Kedua

**(a)** ***ms 94***

F1 Mengembalikan kestabilan dan keamanan
F2 Memulihkan kepercayaan rakyat
F3 Memulihkan infrastruktur
F4 Memulihkan ekonomi

**(b)** ***KBAT***

F1 Rakyat menyokong kedatangan British.
F2 Percaya menyelamatkan Tanah Melayu dari kekejaman Jepun
F2 Rakyat sengsara di bawah pentadbiran Jepun /penyakit/kekurangan makanan/peras ugut/rasuah
F3 Keyakinan yang tinggi terhadap British kerana sebelum Jepun Tanah Melayu berada di bawah pentadbiran British
F4 Berharap BMA akan mengembalikan keamanan
F5 Percaya dapat memulihkan ekonomi

**(c)** ***KBAT***

- Peruntukan kewangan yang sedikit
- Kekurangan kepakaran
- Kelemahan sistem pertahanan / kelemahan teknologi
- Lebih menumpukan pemulihan di negara sendiri
- Kesannya tidak dapat mewujudkan kestabilan dan keamanan di Tanah Melayu

### Nota Ekstra

**MATLAMAT BMA**

**1. Mengembalikan Kestabilan dan Keamanan**
- Bertindak membubarkan pasukan MPAJA
- Senjata yang dibekalkan semasa pendudukan Jepun diserahkan kembali.
- BMA gagal mengumpulkan semula senjata/gagal mengembalikan keamanan

**2. Memulihkan Kepercayaan Rakyat**
- Rakyat mengalami kesukaran hidup semasa pendudukan Jepun
- Ketiadaan bekalan makanan/ubatan
- Tiada wang untuk membeli makanan
- Rakyat hidup menderita
- Kerosakan infrastrukutr/kemudahan asas

- Berharap BMA menyelamatkan rakyat/memulihkan keadaan
- BMA cuba memulihkan ekonomi dengan memulihkan ladang getah,lombong, membaiki prasarana tetapi gagal
- Rakyat kecewa dengan ketidakupayaan BMA menangani masalah yang dihadapi

**Soalan Struktur**

2 Pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu turut memperkenalkan kewarganegaraan secara *jus soli* yang membolehkan kerakyatan diperolehi dengan mudah.

(a) Nyatakan ciri kerakyatan *jus soli*?

(i) ..................................................

(ii) ..................................................

(iii) ..................................................

[3 *markah*]

(b) Jelaskan kewajaran orang Melayu menentang prinsip kerakyatan *jus soli* tersebut?

..................................................

..................................................

..................................................

..................................................

..................................................

[3 *markah*]

(c) Teliti petikan berikut.

> "... isu rakyat asing mendapat kewarganegaraan ekspress menjadi isu lagi. Rakyat bimbang mengenai pembabitan warga asing dalam perbuatan jenayah dan juga ancaman kepada keselamatan awam. Begitu juga dengan kebimbangan mengenai aspek kesihatan dan penyebaran penyakit dan ketidakseimbangan fabrik sosial. Keadaan ini berbahaya kepada negara..."
>
> *Diubahsuai daripada bharian.com.my/15 Julai 2015*

Berikan ulasan anda tentang kesan buruk sekiranya kerakyatan negara kita boleh diperolehi dengan mudah.

..................................................

..................................................

..................................................

..................................................

..................................................

[4 *markah*]

**Malayan Union**

**Matlamat Malayan Union**
- Melicinkan sistem pentadbiran
- Meningkatkan ekonomi
- Mengukuhkan pertahanan
- Mengekalkan orang asing sebagai sumber tenaga kerja

**(a)** *ms 97*

F1 Rakyat yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan Union
F2 Berumur 18 tahun ke atas dan bermastautin 10-15 tahun
F3 Kurang 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara

**(b)** *KBAT*

F1 Syarat yang terlalu longgar
F2 Mewujudkan ketidakseimbangan kaum/ imigran menjadi majoriti
F3 Mengancam hak / keistimewaan orang Melayu/hak yang sama semua kaum

**(c)** *KBAT*

F1 Peningkatan kadar jenayah
F2 Mengancam keselamatan negara
F3 Mengancam kesihatan / penyebaran penyakit
F4 Ketidakseimbangan sosial

Warganegara ekspres boleh hakis kedaulatan negara

**Nota Ekstra**

**PENTADBIRAN MALAYAN UNION**

1. **Kesatuan**
   - NNM Bersekutu, NNM Tidak bersekutu, NNS kecuali Singapura disatukan
2. **Ketua Pentadbir**
   - Diketuai oleh Gabenor British
   - Majlis Esekutif dan Majlis Perundangan Malayan Union dibentuk
3. **Raja-Raja Melayu**
   - Sultan menjadi ahli Majlis Raja-Raja.
   - Hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu
4. **Kewarganegaraan**
   - Melalui prinsip ***jus soli***
   - Rakyat yang dilahirkan di TM dan Singapura diiktiraf
   - Berumur 18 tahun ke atas bermastautin selama 10 -15 tahun

Berumur kurang 18 tahun yang ibu bapanya adalah warganegara

**BANTAHAN RAKYAT**

i. Bantahan Akhbar Melayu
ii. Bantahan cendekiawan
iii. Bantahan Wanita
iv. Bantahan persatuan Melayu
v. Bantahan di Kelantaan, Kedah dan Johor
vi. Bantahan Kongres Melayu
vii. Bantahan melalui UMNO



CS CamScanner

***Soalan Struktur***

**3** Pada 1 Julai 1946, Charles Vyner Brooke telah menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

(a) Apakah faktor yang mendorong penyerahan Sarawak kepada British?

(i) ..........................................................................................

(ii) ..........................................................................................

(iii) ..........................................................................................

[3 *markah*]

(b) Mengapakah rakyat Sarawak menentang penyerahan tersebut?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[3 *markah*]

(c) Teliti puisi berikut.

> Wahai pemuda bercita suci,
> Kekalkan Sarawak, negara kita yang asli,
> Meskipun bagaimana ancaman terjadi,
> Hendaklah sehidup semati." – Rosli Dhobi.
>
> *Sumber: https://www.freemalaysiatoday.com*

Berikan ulasan anda berdasarkan puisi tersebut

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

**PeristiwaSungkit Berdarah**

- Pembunuhan Duncan Stewart oleh Rosli Dhobi.
- Peristiwa ini memberikan kesedaran dan membangkitkan semangat nasionalisme penduduk Sarawak

**(a)** *ms 107*

F1 Masalah perwarisan tahta
F2 Desakan kerajaan British
F3 Masalah kewangan

**(b)** *ms 109*

F1 Tindakan Vyner Brooke bertentangan dengan Perlembagaan 1941/ ke arah berkerajaan sendiri
F2 Vyner Brooke mengetepikan surat wasiat Charles Brooke/pengganti Charles Anthony Brooke
F3 Gerard T. MacBryan menggunakan muslihat

**(c)** *KBAT*

F1 Pemuda perlu memainkan peranan penting dalam perjuangan
F2 Semua pihak perlu bekerjasama dan sanggup berkorban demi negara
F3 Demi menjaga maruah dan kedaulatan negeri
F4 Keinginan untuk merdeka/bebas dari penjajahan
F5 Perjuangan membebaskan negara perlu keberanian

Gerakan Anti Penyerahan Sarawak

| JAWAPAN OBJEKTIF B4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A | D | A | D | C | D | B | D | A | A |

**Nota Ekstra**

**BENTUK PENENTANGAN**

**1. Mengadakan Persidangan**
- Dianjurkan oleh Johari Anang dan Sharkawi Osman
- Tujuannya merancang mengadakan demonstrasi pada setiap 1 Julai

**2. Mengadakan Demostrasi**
- 30 Okt 1946 di Astana diketuai Datu Patinggi Abang Haji Abdillah

**3. Meletakkan Jawatan Beramai-ramai**
- Pekeliling No 6 melarang penjawat awam terlibat dalam anti penyerahan
- 2 April 1947-409 orang kakitangan awam meletak jawatan

**4. Bantahan Golongan Wanita**
- Antara tokoh -Cikgu Lily Eberwein, Hajah Sipah Tuanku Othman, Dayang Fauziah, Cikgu Ajibah Abol

**5. Menggunakan Akhbar**
- Utusan Sarawak menyebarkan penentangan penyerahan Sarawak

**6. Menulis Surat Bantahan**
- Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) menghantar surat bantahan ke London

**7. Menubuhkan Rukun 13**
- Ditubuhkan pada 20 Ogos1948.
- Ditubuhkan secara sulit oleh Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) Sibu yang dipimpin oleh Awang Rambli,Morshidi Sidek dan Bujang Suntong
- Merancang pembunuhan Duncan Stewart



CamScanner

## *Soalan Esei*

1 Malayan Union yang diisytiharkan oleh British turut mendapat tentangan daripada Raja-raja Melayu. Mereka bangkit menentang kerana pelaksanaan pentadbiran tersebut merupakan satu bentuk penjajahan mutlak British ke atas Tanah Melayu.

(a) Bagaimanakah Raja-raja Melayu menzahirkan penentangan mereka terhadap pelaksanaan Malayan Union?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[6 *markah*]

(b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kesan pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[6 *markah*]

(c) Teliti gambar berikut.



*Sumber: https://m-update.com*

Berdasarkan gambar, berikan ulasan anda tentang penentangan terhadap Malayan Union dan kewajarannya.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[8 *markah*]

**Persatuan Melayu**

- Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS)
- Persatuan Melayu Kedah/ Perak /Selangor

**(a)** ***ms 100-101***

F1 Membawa kes MU ke Mahkamah Tinggi England
F2 Persidangan Raja-raja Melayu di Kuala Kangsar memutuskan untuk mengemukakan bantahan ke mahkamah di London.
F3 Menghantar surat bantahan ke London
F4 Sultan Kedah, Perak dan Johor menghantar surat bantahan mendakwa telah diperdaya
F5 Menyokong Kongres Melayu
F6 Kongres menunjukkan kesungguhan orang Melayu menolak MU
F7 Permaisuri Perak memimpin gerakan menentang MU
F8 Raja Perempuan Kelsom mengetuai perarakan
F9 Memulaukan upacara pelantikan Gabenor MU

**(b)** ***ms 102–106***

F1 Penjajahan mutlak British di Tanah Melayu
F2 Ditadbir oleh Gabenor British
F3 Penghakisan kuasa Raja
F4 Hanya berkuasa dalam bidang agama Islam dan adat istiadat Melayu
F5 Kuasa Raja diambil alih oleh Gabenor British
F6 Syarat Kerakyatan longgar
F7 Prinsip jus soli menjadi asas kewarganegaraan MU

**(c)** ***KBAT***

F1 Menyatukan rakyat
H1a Mengadakan rapat umum/demonstrasi secara besar-besaran seluruh negara
F2 Raja-Raja Melayu turut sama menentang
H2b Tidak mendatangani perlaksanaan MU
F3 Pemimpin-pemimpin Melayu mengetuai penentangan.
H3a Menyeru penduduk Tanah Melayu bangkit menentang MU
H3b Menyebarkan idea / menyeru orang Melayu bersatu
F6 Mengadakan kongres/menghimpunkan pemimpin-pemimpin Melayu
Wajar menentang
F7 Wajar bagi mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
F8 Bagi mempertahankan maruah orang Melayu
H8 Bagi memperketatkan syarat kerakyatan
Kesimpulannya, semua pihak perlu bersatu menentang penjajahan supaya negara bebas dan berdaulat.

PENENTANGAN ORANG MELAYU TERHADAP Malayan Union

1. **Melalui Akhbar Melayu**
   - Utusan Melayu/Majlis/Warta Malaya
2. **Bantahan Cendekiawan**
   - Bantahan pentadbir Melayu: Tokohnya seperti Dato' Onn bin Jaafar,Dato' Nik Ahmad Kamil, Za'ba, Tungku Mohamed, Dato; Abdul Wahab Abdul Aziz dll
   - Bantahan wanita : Cikgu Zaharah Abdullah, Halimahton Abd Majid, Saleha Mohd Ali, Zaharah Tamin, Datin Putih Mariah, Hasnah Ishak
3. **Bantahan Persatuan Melayu**
   - Menganjurkan perhimpunan bagi menyuarakan bantahan
4. **Bantahan di Kelantan, Kedah dan Johor**
5. **Mengadakan Kongres Melayu**
   - Diadakan di Bangunan Sultan Sulaiman pada 1-4 Mac 1946
   - Bersetuju menubuhkan UMNO
6. **Bantahan dari UMNO**
   - Menganjurkan tunjuk perasaan di Alor Setar, Ipoh, Seremban



CamScanner

## T4 B5 PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

### *Soalan Objektif*

Soalan 1-2 berdasarkan maklumat di bawah.

1. Jawatankuasa Kerja ditubuhkan pada 25 Julai 1946.

   Apakah peranan jawatankuasa tersebut? ms 126

   A Merangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
   B Membuat persiapan menyambut kemerdekaan
   C Merancang perdamaian dengan komunis
   D Menggubal Perlembagaan Rakyat

2. Antara berikut, siapakah tokoh yang menjadi wakil Raja-Raja Melayu dalam jawatankuasa tersebut? ms 127

   A Haji Megat Yunus
   B Dato Onn Jaafar
   C Tunku Abdul Rahman
   D Dato' Nik Ahmed Kamil Mahmud

3. Apakah peranan tokoh berikut dalam perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu? ms 128



Dr Burhanuddin Helmi



Ahmad Boestaman

   A Menentang Jepun
   B Menggubal perlembagaan
   C Mengetuai gerakan radikal
   D Menyokong pentadbiran British

4. Mengapakah golongan radikal menolak Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? ms 128

   A Ketiadaan wakil dalam jawatankuasa
   B Menghakis kuasa pembesar tempatan
   C Kekuatan desakan golongan anti penjajah
   D Menafikan hak istimewa penduduk peribumi

5. Perlembagaan berikut dicadangkan oleh gabungan PUTERA-AMCJA..

   | Perlembagaan Rakyat |
   |---|

   Apakah kandungan perlembagaan tersebut? ms 130

   A Kewarganegaraan kepada imigran
   B Pelaksanaan pemerintahan beraja mutlak
   C Menggugurkan Singapura dari Persekutuan
   D Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan

6. Peristiwa berikut berlaku di Tanah Melayu semasa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu hendak dilaksanakan.

   | Hari Hartal Se-Malaya |
   |---|

   Apakah kejadian yang berlaku dalam peristiwa tersebut? ms 131

   A Penentangan secara kekerasan
   B Persidangan menyokong raja
   C Penutupan kedai oleh peniaga
   D Perhimpunan haram di bandar

7. Bergson Gustavo Silveira da Silva lahir di Britain. Ayahnya merupakan Rakyat Raja.

   Bagaimanakah beliau boleh mendapatkan taraf kerakyatan Tanah Melayu? ms 135

   A Secara pendaftaran
   B Secara natrulisasi
   C Melalui persetujuan pemerintah
   D Melalui kuat kuasa undang-undang

8. Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan orang Melayu semasa era penjajahan British di Tanah Melayu.

   A : Kita perlu menyokong pelaksanaan perjanjian ini.
   B : Ya. Ini lebih baik berbanding Malayan Union.

   Apakah yang mendorong sokongan tersebut? ms136

   A Pengiktirafan hak istimewa peribumi
   B Penamatan era pentadbiran penjajah
   C Pemilikan kuasa mutlak oleh raja
   D Pengagihan ekonomi yang adil

9. Maklumat berkaitan dengan kewarganegaraan di Tanah Melayu.

   - Orang bukan Melayu menjadi warganegara
   - Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal

   Persetujuan tersebut dicapai melalui ms 136

   A Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1896
   B Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948
   C Pentadbiran Tentera British
   D Pentadbiran Malayan Union

10. Apakah kesan pelaksanaan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? ms 137/kbat

   I Pengekalan kuasa penjajah
   II Peluasan pengaruh radikal
   III Peningkatan taraf hidup rakyat
   IV Pemantapan kerjasama kaum

   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV



CS CamScanner

## Soalan Struktur

1 Pada 25 Julai 1946 ditubuhkan satu Jawatankuasa Kerja bagi membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

(a) Namakan pihak yang terlibat dalam jawatankuasa tersebut?

(i) ....................................................................................

(ii) ....................................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja.

....................................................................................

....................................................................................

....................................................................................

....................................................................................

....................................................................................

....................................................................................

[4 *markah*]

(c) Maklumat berikut merujuk kepada kumpulan radikal Melayu.

- Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)
- All Malaya Council of Joint Action (AMCJA)

Mengapakah golongan radikal di atas menolak cadangan di 1(b)?

....................................................................................

....................................................................................

....................................................................................

....................................................................................

....................................................................................

....................................................................................

....................................................................................

[4 *markah*]

**Wakil UMNO**

- Dato' Onn Jaafar
- Dato; Abdul Rahman Mohd Yassin
- Haji Megat Yunus

**(a)** *ms 126*

F1 Raja-raja Melayu
F2 Wakil UMNO
F3 Pegawai Kanan British

**(b)** *ms 127*

F1 Menyatukan semua negeri Melayu dan dua negeri Selat
F2 Memulihkan kedudukan Raja-raja Melayu
F3 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
F4 Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri
F5 Syarat kewarganegaraan ketat

**(c)** *KBAT*

F1 Menganggap British tunduk kepada UMNO
F2 Hanya mengukuhkan kedudukan penjajah
F3 Bersifat perkauman dan mengutamakan satu kaum sahaja
F4 Menafikan hak kaum lain
F5 Menyukarkan mereka memperolehi taraf kerakyatan

PTM 1948

### Nota Ekstra

**GABUNGAN ANGGOTA PUTERA**

- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
- Angkatan Pemuda Insaf (API)
- Gerakan Angkatan Muda (GERAM)
- Hizbul Muslimin
- Barisan Tani Malaya (BATAS)
- Angkatan Wanita Sedar (AWAS)

**GABUNGAN PUTERA - AMCJA**

- Pengerusi – Tan Cheng Lock
- Menganggap British tunduk kepada UMNO
- Menganggap penubuhan Jawatankuasa Kerja tidak demokratik
- AMCJA terdiri daripada:
  - Pan-Malayan Federation of Trade Union (PMFTU)
  - Malayan Democratic Union (MDU)
  - Malayan Indian Congress (MIC)

- Kumpulan ini menolak perjanjian persekutuan
- Menganggap perlembagaan persekutuan tidak demokratik / mengukuhkan kuasa British dan perkauman
- Penentangan secara terbuka

| JAWAPAN OBJEKTIF B5 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A | D | C | A | D | C | D | A | B | B |

**Soalan Struktur**

C Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan
D Penubuhan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan

3. Apakah tujuan tokoh berikut ke London pada tahun 1954? ms 199

- Tunku Abdul Rahman
- Dato' Abdul Razak Hussein
- Tan Cheng Lock

A Menuntut kemerdekaan
B Mendapatkan sokongan
C Menggubal perlembagaan PTM
D Menentukan bilangan anggota MPP

4. Apakah syarat untuk menjadi calon dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955? ms 200

I Berumur 21 tahun ke atas
II Berpendidikan sekolah Inggeris
III Berkhidmat dalam perkhidmatan awam
IV Warganegara Persekutuan Tanah Melayu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Ah Seng merupakan warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang ingin mengundi dalam Pilihan Raya Perundangan Persekutuan 1955.

Apakah syarat yang perlu beliau penuhi? ms 200

A Berusia 21 tahun ke atas
B Fasih bertutur dalam bahasa Melayu
C Berdaftar dalam senarai pendaftar pemilih
D Bermastautin di Tanah Melayu melebihi setahun

6. Rajah berikut berkaitan dengan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955? ms 200 - 201

**29 Oktober 1954** Pendaftaran pengundi → **15 Jun 1955** Penamaan calon → **45 hari** **X** → **27 Julai 1955** Mengundi

Apakah **X**?

A Mengira undian
B Melancarkan kempen
C Mengumumkan keputusan
D Menentukan sempadan

7. Apakah yang dapat dibuktikan daripada keputusan pilihan raya berikut? ms 202

Parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertadingkan dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

A Kebebasan bersuara diakui
B Kerjasama golongan radikal
C Keupayaan menghalau penjajah
D Kejayaan kerjasama pelbagai kaum

8. Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955 kepada rakyat tempatan? ms 204

A Mengadakan pilihan raya
B Mengambil alih petadbiran
C Membentuk negara demokrasi
D Menggubal perlembagaan merdeka

9. Apakah jawatan Tunku Abdul Rahman dalam kabinet pertama yang dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955? ms 206

A Menteri Besar
B Ketua Menteri
C Perdana Menteri
D Pesuruhjaya Tinggi

10. Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955? ms 206

I Membincangkan soal kewangan
II Membincangkan isu pertahanan
III Menjalinkan kerjasama diplomatik
IV Mengurangkan kemasukan orang asing

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



CS CamScanner

## Soalan Struktur

1 Rajah berikut berkaitan dengan perubahan yang berlaku dalam pentadbiran di negara kita setelah selesainya Pilihan Raya Umum pada tahun 1955.

**Perubahan pentadbiran selepas Pilihan Raya Umum 1955**
→ Pertambahan bilangan ahli Majlis Perundangan Persekutuan
→ X
→ Y

(a) Nyatakan perubahan pentadbiran yang bertanda:

**X** : ..........................................................................................

**Y** : ..........................................................................................

[2 *markah*]

(b) Bandingkan keanggotaan antara Majlis Perundangan Persekutuan 1948 dengan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

(c) Teliti petikan berikut.

> "Ini adalah hari yang amat penting dalam sejarah Majlis ini. Pilihanraya Persekutuan yang baru diadakan kini sudah menjadi sejarah. Buat pertama kalinya Majlis ini bersidang sebagai sebuah majlis yang majoriti ahlinya dipilih dan saya berasa amat bangga dan berbesar hati memegang jawatan ketua Menteri. Kita telah melalui suatu peristiwa yang amat penting dalam kemajuan negara kita mencapai status berkerajaan sendiri dan merdeka ".
>
> Ucapan Tunku Abdul Rahman pada Perasmian Majlis Perundangan Persekutuan, 31 Ogos 1955



Berdasarkan teks ucapan tersebut, mengapakah Tunku Abdul Rahman berpendapat pilihan raya MPP menjadi sejarah penting kepada negara?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

**Kesan Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955**

- Kerajaan diketuai Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri
- Mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu daripada Pesuruhjaya Tinggi British
- Proses pertukaran mengambil masa, maka Pesuruhanjaya Tinggi British masih memegang kepimpinan atasan yang menentukan hala tuju negara
- Kuasa pegawai British beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan
- Namun masih teradapat pegawai British menjadi penyelia atau penasihat bidang keselamatan
- Sistem Ahli dimansuhkan
- Keanggotaan MPP penting dalam amalan demokrasi
- Kejayaan Kerajaan Persekutuan dibentuk dan dipimpin oleh rakyat tempatan dengan ahlinya dipilih oleh rakyat

**(a)** *ms 204*

F1 Parti Perikatan membentuk kerajaan
F2 Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu

**(b)** *ms 204*

| MPP 1948 | MPP 1955 |
|---|---|
| 52 ahli tidak rasmi dilantik dalam kalangan masyarakat tertentu | 52 ahli dipilih melalui pilihanraya |
| 3 orang ex officio, Ketua Setiausaha Kerajaan, Setiausaha Kewangan dan Peguam Besar Persekutuan | 35 ahli dilantik mewakili kumpulan berkepentingan/ perlombongan/ pertanian |
| 9 Residen British mewakili 9 buah majlis Negeri | 11 Menteri Besar mewakili negeri |

**(c)** *ms 205 / KBAT*

F1 MPP bersidang sebagai sebuah majlis
F2 Majoriti ahli MPP dipilih menerusi pilihan raya
F3 Kerajaan diketuai Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri
F4 Negara mencapai status berkerajaan sendiri
F5 negara mencapai merdeka



CamScanner

***Soalan Struktur***

**2** Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955 yang memainkan peranan ke arah berkerajaan sendiri.

(a) Jelaskan tentang kabinet pertama.

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

[3 *markah*]

(b) Apakah peranan Kabinet tersebut?

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

[3 *markah*]

(c) Keanggotaan Kabinet pertama yang terdiri daripada pemimpin pelbagai kaum terus dipraktikkan sehingga kini telah berjaya membawa kemakmuran kepada negara kita.
Beri pandangan anda bagi menyokong pernyataan tersebut.

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

........................................................................................

[4 *markah*]

**Tiga Portfolio Kabinet Pertama yang dianggotai oleh Pegawai British**

- Setiausaha Kewangan
- Setiausaha Hal Ehwal Ekonomi
- Setiausaha Pertahanan

**(a)** ***ms 206***

F1 Dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955
F2 Kabinet pertama dibarisi 10 orang Menteri
F3 Dianggotai oleh tiga pegawai British
F4 Mendapat perkenan Raja-raja Melayu
F5 Diumumkan oleh Sir Donald MacGillivray, Pesuruhjaya Tinggi British pada 4 Ogos 1955
F6 Wakil pemimpin tempatan dipilih mentadbir negara

**(b)** ***ms 206***

F1 Membincangkan soal kewangan/ keperluan orang awam dalam perkhidmatan awam
F2 Menyambung sistem diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan
F3 Berasaskan Model Westminster
F4 Mengurangkan kuasa pentadbiran British
F5 Meminta Kuasa Veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan
F6 Membincangkan isu keselamatan negeri dan pertahanan

**(c)** ***KBAT***

F1 Berjaya mengukuhkan perpaduan
F2 Diterima masyarakat berbilang kaum
F3 Wujud kestabilan politik
F4 Kepentingan setiap kaum dipelihara
F5 Bekerjasama memajukan ekonomi
F6 Konsep keadilan ekonomi dilaksana
F7 Amalan perkongsian kuasa diperkukuh
F8 Kesannya dasar pembangunan ekonomi lancar/ ekonomi maju/ rakyat hidup selesa

## Nota Ekstra

**KABINET PERTAMA PTM 1955**

F1 Dibarisi 10 orang Menteri
F2 **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj**
H2 dilantik sebagai Ketua Menteri
F3 **Dato' Abdul Razak Hussein**
H3 Menteri Pelajaran
F4 **Dato' Sulaiman Dato' Abdul Rahman**
H4 Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Perancang Bandar
F5 **H.S. Lee**
H5 Menteri Pengangkutan
F6 **Sadon Jubir**
H6 Menteri Kerja Raya
F7 **V.T. Sambanthan**
H7 Menteri Buruh
F8 **Leong Yew Koh**
H8 Menteri Kesihatan
F9 **Ong Yoke Lin**
H9 Menteri Pos dan Telekom
F10 **Abdul Aziz Ishak**
H10 Menteri Pertanian

**Model Westminster**
Sistem pemerintahan demokrasi mengikut Britain.

**Kuasa Veto**
Hak atau kuasa penuh yg diberi kepada pihak tertentu sahaja, kuasa pembatal.



CamScanner

## Soalan Esei

1 Pilihan raya merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberi peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan.

(a) Jelaskan proses pilihan raya di negara kita sebelum merdeka.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

(b) Bagaimanakah Pilihan Raya Majllis Perundangan Persekutuan 1955 dilaksanakan?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[8 *markah*]

(c) Jadual berikut merupakan keputusan pilihan raya umum pertama di Tanah Melayu.

**Keputusan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955**

| Nama parti | Bilangan calon | Kerusi yang dimenangi | Undi yang diperoleh | Peratus undi |
|---|---|---|---|---|
| Perikatan | 52 | 51 | 888 013 | 79.3 |
| Parti Negara | 30 | 0 | 78 909 | 7.6 |
| Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) | 11 | 1 | 40 667 | 3.9 |
| Calon Bebas | 18 | 0 | 31 642` | 3.0 |

Ulaskan tentang keputusan pilihan raya tersebut dan mengapakah calon Parti Perikatan menjadi pilihan rakyat?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[8 *markah*]

**(a)** *ms 196 – 197*

F1 Jawatankuasa Pilihan Raya bagi Majlis Mesyuarat Perundangan ditubuhkan/ mengkaji dan membuat cadangan tentang pilihan raya
F2 Ordinan Pilihan Raya Berkuasa Tempatan diwujudkan (1950)/ kuasa majlis tempatan mengadakan pilihan raya
F3 Pilihan Raya Majlis Perbandaran George Town diadakan 1951/ memilih sembilan orang ahli Persuruhjaya Perbandaran geogre Town
F4 Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada Februari 1952/ 12 kerusi dipertandingkan
F5 Pilihan raya negeri diadakan pada 1954/ perikatan UMNO-MCA memenangi 226 daripada 268 kerusi
F6 Rang Undang-Undang Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu diluluskan (18 – 19 Ogos 1954)
F7 Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diadakan/ Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan/ pendaftaran pengundi/ penamaan calon/ kempen/ kiraan undi/ pengumuman keputusan

**(b)** *ms 200 – 201*

- Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan
- berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya (26 April 1954)
- Rang undang-undang diluluskan (ogos 1954)
- membolehkan pilihan raya diadakan
- Pendaftaran pengundi mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu/ Terengganu bermula 29 Oktober 1954
- Penamaan calon pada 15 Jun 1955
- Kempen pilihan raya selama 45 hari
- Mengundi pada 27 Julai 1955
- Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi/ pengiraan undi dilakukan
- Pengumuman keputusan

**(c)** *ms 202 / KBAT*

F1 Perikatan menang besar 51 daripada 52 kerusi
F2 Mendapat kepercayaan rakyat mentadbir negara
F3 Calon Parti Negara tidak memenangi sebarang kerusi
F4 Parti pelbagai kaum dalam satu parti tidak diyakini rakyat
F5 Pas hanya memenangi satu kerusi sahaja
F6 Bilangan calon (11 orang) tidak membolehkan PAS menerajui pentadbiran negara
F7 Semua 18 Calon bebas yang bertanding tidak menang

**dan**

F8 Penerimaan masyarakat terhadap kerjasama kaum
F9 Rakyat lebih yakin
F10 pemimpin pelbagai kaum memenuhi aspirasi rakyat
F11 Isu/ masalah diselesaikan melalui rundingan
F12 Kebajikan rakyat dipelihara
F13 Politik stabil/ negara aman/ masyarakat hidup sejahtera

| JAWAPAN OBJEKTIF B8 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | D | A | D | B | A | B | D | B | B | A |



CamScanner

# T4 B9 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

## *Soalan Objektif*

1. Maklumat berkaitan dengan peristiwa penting sejarah negara kita.

| Tarikh | Peristiwa |
|---|---|
| 1 Januari 1956 | Tunku Abdul Rahman mengetuai misi rombongan rundingan ke London |

Apakah tujuan rundingan tersebut? ms 216

A Merangka perlembagaan baharu
B Membincangkan kemerdekaan negara
C Mengembalikan kuasa sultan
D Menuntut diadakan pilihan raya umum

2. Maklumat berikut berkaitan rundingan antara wakil Tanah Melayu dengan British.

| Rundingan London |
|---|
| • Dipengerusikan oleh Lord Lennox – Boyd<br>• Berlangsung pada 18 Januari hingga Februari 1956 |

Apakah kesan rundingan tersebut? ms 218

I Perlaksanaan pilihan raya umum
II Pengenalan kerakyatan jus soli
III Penggubalan perlembagaan negara
IV Pemberian kemerdekaan tanah air

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3. Gambar menunjukkan Tunku Abdul Rahman dan rombongan diarak di Banda Hilir, Melaka pada tahun 1956.



Mengapakah peristiwa tersebut penting kepada sejarah negara kita? ms 219

A Pengumuman tamat darurat
B Pembentukan kabinet pertama
C Pengisytiharan tarikh kemerdekaan
D Perlaksanaan pilihan raya umum

4. Rajah berikut berkaitan antara Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Terma rujukan
- Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan
- Melindungi hak istimewa orang Melayu
- X

Apakah **X**? ms 220

A Menghapuskan ancaman komunis
B Mengekalkan institusi beraja mutlak
C Menentukan sempadan antara negeri
D Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat

5. Jadual berikut berkaitan anggota Suruhanjaya Ried yang ditubuhkan pada 8 Mac 1956.

| Nama | Negara |
|---|---|
| Lord Reid | Britain |
| William Ivor Jeaning | Australia |
| B. Malik | India |
| Abdul Hamid | Pakistan |

Apakah peranan suruhanjaya tersebut? ms 220

A Melaksanakan pilihan raya
B Mengukuhkan pertahanan negara
C Menetapkan sempadan negeri
D Menggubal perlembagaan merdeka

6. Apakah memorandum yang dikemukakan Raja-raja Melayu kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? ms 222

I Kerakyatan jus soli
II Perlantikan ketua negara
III Melindungi hak peribumi
IV Sistem pentadbiran kerajaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan memorandum kewarganegaraan

- Dewan Perniagaan Melayu mahu kewarganegaraan diketatkan
- Dewan Perhimpunan Cina se-Malaya mahu kewarganegaraan menerusi kelahiran
- Masyarakat India mahukan kedudukan mereka diberi perhatian

Apakah kesan daripada memorandum tersebut? ms 222

A Jus soli dilaksanakan
B Rusuhan kaum tercetus
C Imigran dihantar pulang
D Dwi kerakyatan diperkenalkan

8. Parti berikut telah mengadakan kongres pada 4 hingga 7 Mei 1957.

- Parti Negara
- Parti PAS
- Parti Rakyat

Mengapakah parti tersebut bertindak sedemikian? ms 223

A Melindungi kuasa raja
B Menyatukan orang Melayu
C Menolak syarat kewarganegaraan
D Memelihara kedudukan agama Islam

9. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani oleh Raja – Raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957 di King's House, Kuala Lumpur. ms 224
Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada negara kita?

A Memperkuat pertahanan
B Mengukuhkan perpaduan
C Menjadi asas perlembagaan
D Meluaskan hubungan diplomatik

10. Apakah bentuk kerakyatan yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957? ms 224

I Kelulusan parlimen
II Melalui permohonan
III Kuat kuasa undang-undang
IV Perkenan Raja-Raja Melayu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



CamScanner

***Soalan Struktur***

1 Jadual berikut menunjukkan wakil rombongan ke London pada tahun 1956

| Wakil Raja – Raja Melayu | Wakil Parti Perikatan |
|---|---|
| Dato' Hj Abdul Wahab Abd Aziz | Tunku Abdul Rahman |
| En. Abdul Aziz Abdul Majid | Dato' Abdul Razak Hussein |
| Dato' Mohammad Seth Mohammad Said | H.S. Lee |
| Dato' Nik Ahmad Kamil Hj Mahmood | Dr Ismail Dato' Abdul Rahman |

(a) Nyatakan **tiga** tujuan rombongan tersebut ke London.

(i) ..........

(ii) ..........

(iii) ..........

[3 *markah*]

(b) Apakah kejayaan yang dicapai oleh rombongan tersebut?

(i) ..........

(ii) ..........

(iii) ..........

[3 *markah*]

(c) Pengisytiharan tarikh kemerdekaan negara di Banda Hilir, Melaka merupakan tindakan yang rasional

Beri pendapat anda.

..........

..........

..........

..........

..........

..........

..........

..........

..........

..........

[4 *markah*]

**Pengumuman tarikh kemerdekaan negara**

- Padang Banda Hilir Melaka
- Tunku memberikan isyarat kemerdekaan dalam genggaman
- Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan bangunan yang memperingati peristiwa ini.

**(a)** ***ms 216***

(i) Merundingkan kemerdekaan/ taraf berkerajaan sendiri
(ii) Membincangkan hal keselamatan
(iii) Hubungan British-Tanah Melayu
(iv) Mengubal perlembagaan negara yang merdeka

**(b)** ***ms 218***

F1 Menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
F2 Mendapat kemerdekaan pada 31 Ogos 1957
F3 Membentuk Suruhanjaya Perlembagaan
F4 Merangka perlembagaan negara yang merdeka
F5 Mendapat jaminan keselamatan dan pertahanan

**(c)** ***KBAT***

- Kerajaan pertama di jajah Barat
- Portugis (1511) diikuti Belanda dan Inggeris
- Lebih 450 tahun dijajah
- Pernah menjadi negara yang gemilang/ dikenali dunia
- Pusat perdagangan dunia, pusat penyebaran Islam, mempunyai empayar yang luas
- Simbol penjajahan berakhir / kebebasan / sebagai negara berdaulat

## NOTA EKSTRA

**SEBAB BRITISH BERSETUJU MEMBERI KEMERDEKAAN**

**1.Gesaan PBB**
- Piagam Atlantik
- Penjajah menamatkan penjajahan / beri kemerdekaan
- Kesannya, British memberi jaminan berkerajaan sendiri

**2.Keadaan selepas Perang Dunia Kedua**
- Banyak negara berjuang menamatkan penjajahan
- Seperti Mesir / India / Burma / Filipina
- Rakyat bangkit menuntut kemerdekaan
- Perubahan luar negara memberi inspirasi

**PERJALANAN ROMBONGAN KE LONDON**

- Kuala Lumpur – Singapura (kapal terbang)
- Singapura – Karachi Pakistan (kapal laut M.V. Asia)
- Pakistan – London (kapal terbang)

| JAWAPAN OBJEKTIF B9 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | B | D | C | D | D | C | A | C | C | C |



CamScanner

**Soalan Struktur**

2 Pada 8 Mac 1956, kerajaan British dengan persetujuan Raja-raja Melayu mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan.

(a) Nyatakan **tiga** terma yang menjadi rujukan suruhanjaya tersebut dalam menggubal perlembagaan.

(i) ..........................................................................................

(ii) ..........................................................................................

(iii) ..........................................................................................

[3 *markah*]

(b) Bagaimanakah suruhanjaya tersebut melaksanakan tugasnya?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[3 *markah*]

(c) Beri ulasan anda berkaitan petikan berikut.

> Pengintitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 adalah proses rundingan antara kaum berasaskan pada 131 memorandum yang diserahkan kepada suruhanjaya.
>
> Berita Harian 25 Oktober 2019

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

**(a)** ***ms 220***

F1 Memeriksa aturan perlembagaan negeri seluruh Tanah Melayu
F2 Mengambil kira martabat Ratu England dan Raja – raja Melayu
F3 Melindungi kepentingan Raja – raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan
F4 Cadangkan jawatan Ketua Negara (Yang di-Pertuan Agong)
F5 Menyediakan bentuk kewarganegaraan pagi PTM
F6 Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
F7 Perlembagaan digubal berasaskan Demokrasi Berparlimen

**(b)** ***ms 221***

F1 Meminta cadangan daripada semua penduduk
F2 Secara lisan / bertulis
F3 Menerima memorandum bertulis dari pelbagai pihak
F4 Meneliti kedudukan perlembagaan negeri
F5 Mengadap Raja – raja, Menteri Besar, penasihat British, pegawai negeri
F6 Bermesyuarat dan melawat negeri Melayu dan Negeri – Negeri Selat
F7 Mengadakan persidangan
F8 Membincangkan pelbagai isu
F9 Sebanyak 118 perjumpaan
F10 Mengkaji / membuat laporan / serta cadangan perlembagaan

**(c)** ***KBAT***

- **Perlembagaan digubal melalui rundingan antara kaum**
- Menerima 131 memorandum
- Memorandum Raja – raja Melayu
- Cadangan ketua negara / dikenali Yang di-Pertuan Agong
- Melindungi keistimewaan orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
- Memorandum parti politik dan pihak awam
- UMNO menuntut bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
- MCA menuntut sekolah vernakular diteruskan
- Pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin bahasa kebangsaan
- Suruhanjaya bersifat terbuka / menerima pandangan pelbagai pihak

**NOTA EKSTRA**

**MEMORANDUM UNTUK PERLEMBAGAAN**

**1. Daripada Majlis Raja – raja Melayu**
- Ketua Negara
- Yang di – Pertuan Agong
- Melindungi keistimewaan orang Melayu dan kaum lain

**2. Daripada parti politik dan pihak awam**
- UMNO menolak jus soli
- Dewan Perniagaan Melayu mengetatkan kerakyatan
- Dewan perniagaan Cina kerakyatan jus soli

**3. Bahasa dan pendidikan**
- MCA mahu sekolah vernakular diteruskan



CamScanner

## Soalan Esei

1 Dokumen berikut merupakan sebahagian kandungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

| BAHAGIAN III<br>WARGA NEGARA | BAHAGIAN IV<br>NEGERI PERSEKUTUAN |
|---|---|
| 14. (*a*) tiap² orang yang sa-belum Hari Merdeka, menjadi warga negara Negeri Persekutuan dengan menepati apa² sharat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, tahun 1948, sama ada menurut kuat kuasa undang² atau lain² daripada itu; | 32. (1) Hendak-lah ada sa-orang Raja bagi Negeri Persekutuan yang bergelar Yang di-Pertuan Agong, dan kedudokan baginda itu teratas daripada semua orang² dalam Negeri Persekutuan dan baginda itu tidak-lah boleh di-bawa apa² jua perbicharaan ka-atas-nya di-dalam mana² jua mahkamah. |

(a) Jelaskan inti pati Perjanjian PTM berkaitan aspek berikut.

(i) Kewarganegaraan

[2 *markah*]

(ii) Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

[2 *markah*]

(b) Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadi asas dalam pembinaan negara bangsa. Jelaskan.

[8 *markah*]

(c) Petikan berikut berkaitan kepentingan mematuhi perlembagaan negara.

> Perlembagaan itu dipegang sebagai panduan hidup bernegara dalam aman, damai dan perpaduan. Perlembagaan Persekutuan menggariskan pasak negara iaitu kedudukan Raja Berperlembagaan, Islam sebagai agama persekutuan, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Perkara 153 menjaga kedudukan orang Melayu dan bumiputera di Sarawak dan Sabah.
>
> Berita Harian Online 18 Disember 2018

Jelaskan maklumat yang anda peroleh daripada petikan di atas dan kesannya jika rakyat tidak mematuhi perlembagaan negara?

[8 *markah*]

**(a)** ***ms 224-225***

**(i) Kewarganegaraan**
- F1 Berdasarkan prinsip jus soli
- F2 Bagi setiap orang yang dilahirkan dalam persekutuan
- F3 Selepas hari merdeka
- F4 Tiga cara kerakyatan
- F5 Melalui penguatkuasaan undang – undang
- F6 Memohon didaftarkan sebagai rakyat
- F7 Memohon untuk menukar karakyatan / naturalisasi

**(ii) Kedudukan istimewa**
- F1 Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
- F2 Diberi keutamaan
- F3 Mengambil kira status sebagai rakyat asal Tanah Melayu
- F4 Namun semua rakyat mempunyai hak yang sama
- F5 Hak dipelihara dan dilindungi

**(b)** ***ms 224-225***

F1 Mengamalkan institusi Raja Berperlembagaan
H1a Ketua negara Yang di–Pertuan Agong
C1a Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin
H1b Ketua negeri / sultan / raja
H1c Melaksanakan pentadbiran mengikut perlembagaan negara
Rumusannya ciri unik negara / menjadi warisan tamadun bangsa

F2 Melaksana sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen
H2a Mempunyai parlimen
H2b Terdiri Dewan Rakyat dan Dewan Negara
H2c Wakil rakyat dipilih oleh rakyat
H2d Melalui pilihan raya
Tuntasnya, sistem demokrasi memberi hak kepada rakyat terlibat dalam politik dan membentuk kerajaan

**(c)** ***KBAT***

**Maklumat**
- Perlembagaan panduan pemerintahan/menjamin negara aman /rakyat bersatu/ asas sstem bernegara/ raja berperlembagaan, Demokrasi Berparlimen

**Kesan**
- Negara tidak aman
- Sentiasa mempersoal perlembagaan
- Bersikap tidak puas hati
- Tidak menghormati institusi beraja / Demokrasi Berparlimen / bahasa Melayu/ hak istimewa orang Melayu
- Kehidupan menjadi tidak harmoni / sentiasa mempertikai /buruk sangka
- Kesannya, menjejaskan perpaduan / menggugat pembangunan ekonomi/ boleh mencetuskan huru- hara



CS CamScanner

# T4 B10 PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

***Soalan Objektif***

1. Maklumat berikut merujuk kepada takrif kemerdekaan.

| |
|---|
| Setiap negara berhak menguruskan sendiri negaranya, walau pun sukar supaya setiap komuniti hidup harmoni |

Siapakah yang mengutarakan definisi tersebut? ms 234

A Mahatma Gandhi
B Nelson Mandela
C Tunku Abdul Rahman
D Tun Dr Mahathir Mohamad

2. Apakah maksud kemerdekaan menurut tokoh berikut? ms 234



Nelson Mandela

A Kebebasan untuk berfikir dan bertindak
B Merangkumi politik, ekonomi dan moral
C Pertempuran terhadap sistem yang menindas
D Menyayangi dan sanggup berkorban untuk negara

3. Gambar menunjukkan bendera Persekutuan Tanah Melayu.



Siapakah pencipta bendera tersebut? ms 236

A Ismail Bontak
B Tahir Abdul Majid
C Yaacob Abdul Latiff
D Mohamed Hamzah

4. Maklumat berikut merujuk kepada peristiwa yang berlaku di negara kita pada tahun 1957.

- Gaji kakitangan awam diberi seminggu awal
- Kursus protokol pegawai kerajaan

Mengapakah keadaan tersebut berlaku? ms 237

A Persediaan menyambut merdeka
B Pelrisytiharan Malayan Union
C Pembukaan sidang parlimen
D Pertabalan Yang di-Pertuan Agong

5. Apakah yang dapat dibuktikan daripada peristiwa tersebut?



Bendera Union Jack diturunkan

ms 238

A Perasmian Stadium Merdeka
B Berakhirnya pentadbiran British
C Kemenangan Jepun di Tanah Melayu
D Pendudukan komunis di Asia Tenggara

6. Gambar menunjukkan peristiwa sambutan kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.



Di manakah peristiwa tersebut diadakan? ms 240

A Memorial Kemerdekaan
B Tugu Kemerdekaan
C Stadium Merdeka
D Dataran Merdeka

7. Siapakah wakil Quen Elizebeth II dalam majlis sambutan kemerdekaan Tanah Melayu? ms 240

A Mr. Dag Hammerskjoeld
B Sir Donald MacGillivray
C Duke of Gloucester
D D.C. Watherston

8. Rajah berikut berkaitan dengan bentuk pentadbiran kerajaan Malaysia.

Pentadbiran di Malaysia → Raja Berperlembagaan
Pentadbiran di Malaysia → **X**

**X** ialah ms 242

A Republik
B Autokrasi
C Monarki Mutlak
D Demokrasi Berparlimen

9. Bagaimanakah pembentukan kerajaan bagi negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi? ms 246

A Melalui pilihanraya
B Penetapan parti politik
C Kelulusan mahkamah
D Pengiktirafan badan dunia

10. Antara berikut, manakah yang membuktikan kedaulatan negara kita? ms 246-247

I Mendapat pengiktirafan kuasa besar
II Menganggotai pertubuhan dunia
III Kedaulatan undang-undang
IV Lambang kebangsaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



CamScanner

## Soalan Struktur

1 Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 bersamaan 5 Safar 1377H merupakan peristiwa yang amat bermakna bagi kita generasi Malaysia masa kini.

(a) Apakah maksud merdeka yang anda fahami?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kesan kemerdekaan terhadap negara dalam aspek berikut:

(i) Politik

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[2 *markah*]

(ii) Ekonomi

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[2 *markah*]

(c) Dialog berikut merupakan temubual antara sekumpulan remaja bersama dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam video bertajuk 'Apabila Dr. Mahathir ditanya mengenai merdeka'.




Sumber: https://www.youtube.com/watch?v=zFgGJXB-GSw

Berdasarkan dialog berikut, bagaimanakah remaja berperanan dalam mengisi kemerdekaan?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

**(a)** ***ms 234***

F1 Bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing
F2 Bebas menentukan pemerintahan
F3 Bebas daripada cengkaman kuasa asing
F4 Bebas daripada penjajahan/ kurungan/ cengkaman

**(b)** ***ms 242***

**(i) Politik**

F1 Pengamalan Sistem Raja Berpelembagaan/ YDPA menjadi ketua utama negara
F2 Demokrasi Berparlimen/ rakyat berkuasa memilih kerajaan/ pemerintah melalui pilihan raya/
F3 Pentadbiran negara/ Tunku Abdul Rahman menjadi PM PTM pertama/ Dato' Abdul Razak Hussein sebagai Timbalan PM/ jawatan Menteri Luar disandang Tunku Abdul Rahman tanda kebebasan menjalankan dasar luar negara
F4 Cabaran Kerajaan Persekutuan menggantikan pegawai Eropah dengan rakyat tempatan/ bidang profesional, pendidikan tinggi/ melaksanakan penggantian secara berperingkat/

**(ii) Eokonomi**

F1 Rancangan Malaya Pertama 1956-1960/ dilaksanakan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara/ tumpuan luar bandar/ pelbagai keluaran pertanian
F2 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)/ memajukan tanah baharu secara besar-besaran bagi pertanian dan penempatan semula masyarakat
F3 Institusi kewangan tempatan/ Malay National Bank (Bank Kebangsaan Melayu) bank pertama untuk orang Melayu/ Bank Negara beroperasi/ menggalakkan kestabilan kewangan
F4 Pembangunan luar bandar/ membangunkan insfrastuktur, sosial, ekonomi luar bandar
F5 Rancangan Buku Merah/ projek berkaitan kemudahan asas spt jalan kampung, bekalan air/ elektrik

**(c)** ***KBAT***

F1 Mengamalkan hidup bersatu padu
F2 Merapatkan hubungan
F3 Bergaul mesra antara kawan berlainan kaum
F4 Saling kunjung mengunjungi/ meraikan sambutan perayaan kaum lain
F5 Tidak menimbulkan kemarahan kaum lain
F6 Tidak berbicara isu-isu sensitif
F7 Saling hormat-menghormati/ tolak ansur/ muafakat
F8 Melahirkan generasi yang hidup secara muhibah/ negara aman

**Soalan Struktur**

**2** Pada pagi 31 Ogos 1957, upacara sambutan kemerdekaan diadakan dengan penuh gemilang di Stadium Merdeka.

(a) Andaikan anda adalah penduduk Tanah Melayu yang menghadiri upacara sambutan kemerdekaan pada hari tersebut.

(i) Apakah acara yang paling anda ingati?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[3 *markah*]

(ii) Jelaskan perasaan anda ketika itu dan mengapakah anda berperasaan demikian?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[3 *markah*]

(c) Teliti maklumat berikut.

> Menikmati kemerdekaan adalah impian hidup setiap rakyat bagi negara yang dijajah British. Kemerdekaan tidak ternilai nikmatnya kerana ia memberi peluang kepada sesebuah negara menentukan hala tuju dan masa depan.
>
> Kemerdekaan negara ini dikongsi oleh tiga kaum utama, iaitu Melayu, Cina dan India serta lain-lain etnik di Sabah dan Sarawak. Pelbagai suka duka dilalui rakyat negara ini sehingga kita menikmati pembangunan dan kemajuan dalam pelbagai lapangan. Kemajuan negara bukan sahaja sumbangan besar kepemimpinan negara, malah pelbagai lapisan masyarakat atau rakyat bekerja keras dalam memastikan kehidupan kita berubah.
>
> Sumber: https://www.bharian.com.my

Mengapakah kita perlu mensyukuri nikmat kemerdekaan?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

**Malam 30 Ogos 1957**

- Lampu dipasang semula apabila jam besar berbunyi detik 12.00 mlm
- Diikuti laungan 'Merdeka' orang ramai
- Tunku Abdul Rahman dibawa ke hadapan pentas menghadap ketiga-tiga tiang bendera
- Bendera Union Jack diturunkan oleh Tahir Abdul Majid
- Diiringi lagu *Good Save the Queen* menanda berakhirnya penjajahan British
- Disambut dengan tepukan dan laungan 'merdeka'
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan
- Diiringan lagu 'Negaraku'
- Sorakan 'Merdeka' dilaungkan sebanyak tujuh kali
- Tunku memberi tabik hormat semasa bendera PTM dinaikkan

**(a) (i)** ***ms 240***

F1 Dengan tangan di udara, Tunku Abdul Rahman melaungkan 'MERDEKA' sebanyak tujuh kali
F2 Disambut para hadirin pelbagai bangsa
F3 Disusuli laungan azan oleh Ustaz Hassan Azhari/ tanda rasa syukur
F4 Bendera PTM dinaikkan
F5 Diiringi lagu kebangsaan, Negaraku
F6 101 das tembakan dilepaskan/ menandakan PTM menjadi negara merdeka dan berdaulat

**(a) (ii)** ***KBAT***

F1 Gembira/ terharu/ bebas daripada cengkaman penjajah/ lahir negara berdaulat
F2 Yakin/ keazaman tinggi/ Rakyat tempatan boleh mentadbir negara sendiri/ bebas menentukan masa depan/ dasar negara
F3 Bangga/ teruja/ bersemangat waja mengenang perjuangan tokoh lampau/ sanggup berkorban untuk negara
F4 Inspirasi/ tokoh menjadi idola/ mencontohi/ meneladani sikap/perjuangan tokoh

**(c)** ***KBAT***

F1 Peluang rakyat tempatan menentukan hala tuju/ masa depan
F2 Bebas membangunkan dan memajukan negara ikut acuan sendiri
F3 Membolehkan pelbagai kaum dapat menikmati pembangunan/ kemajuan
F4 Rakyat mendapat peluang yang sama untuk memajukan diri/ bekerja keras
F5 Taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan/ masyarakat hidup makmur

Hargai Nikmat Kemerdekaan



CamScanner

## Soalan Esei

1 Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 telah meninggalkan kesan yang besar terhadap negara dalam pelbagai aspek dan seterusnya, mewujudkan sebuah negara persekutuan Tanah Melayu yang berdaulat.

(a) Jelaskan aspek pembangunan sosial yang diberi penekanan oleh kerajaan setelah memperoleh kemerdekaan.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

(b) Terangkan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu setelah mencapai kemerdekaan.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[8 *markah*]

(c) Teliti lirik lagu berikut.




Sumber: https://www.mkn.gov.my/

Terangkan tanggungjawab anda berdasarkan lirik lagu di atas dan jelaskan perasaan anda setelah menghayati lirik lagu tersebut.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[8 *markah*]

**Komanwel**

- Pertubuhan sukarela yang dianggotai oleh negara merdeka
- Negara-negara merdeka tersebut pernah dijajah oleh British

**(a)** *ms 245*

F1 Pendidikan sebagai wadah membina bangsa bersatu/ Penyata Rahman Talib memberi penekanan BM sebagai bahasa pengantar

F2 Penubuhan DBP/ mengukuhkan BM yang termaktub dalam perlembagaan

F3 Menubuhkan Jabatan Penerangan untuk sampaikan maklumat dalam/ luar negara/ lidah rasmi kerajaan

F4 Aspek kesihatan dengan menubuhkan Pusat Kesihatan/ Hospital bagi tingkatkan sosioekonomi penduduk luar bandar

**(b)** *ms 246-247*

F1 Kedaulatan
- Kuasa tertinggi yang menentukan sesebuah negara bebas daripada kongkongan kuasa luar
- Wilayah pengaruh,/ kerajaan/ keunggulan undang-undang/ lambang/ rakyat merupakan aspek kedaulatan negara kita.

F2 Wilayah Pengaruh
- Kawasan yang mempunyai sempadan
- Dalam Perlembagaan PTM 1957, Persekutuan Tanah Melayu terdiri Perlis, Kedah, Perak, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Johor, Kelantan dan Terengganu.

F3 Kerajaan
- Institusi yang bertanggungjawab mengurus dan mentadbir negara.
- Kerajaan terbahagi kepada tiga komponen utama, iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman.

F4 Kedaulatan Undang-undang
- Kerajaan dan rakyat keseluruhannya tertakluk di bawah undang-undang.
- Penting bagi memastikan keamanan negara dapat dikekalkan demi kesejahteraan negara

**(c)** ***KBAT***

F1 Keselamatan negara tanggungjawab bersama semua rakyat
- Keselamatan negara penting untuk masa depan rakyat
- Semua rakyat bersatu/ bermuafakat memastikan kesejahteraan negara
- Rakyat perlu setia kepada negara/ ada perasaan sayang kepada negara
- Setiap rakyat dari seluruh pelusuk negara/ kota atau desa bersama pertahan keselamatan negara
- Rakyat sanggup berkorban untuk negara

**Perasaan setelah menghayati**

F2 Perasaan bersemangat untuk mempertahankan negara
- Timbul perasaan sayang/ patriotisme yang tinggi
- Ingin bersama menyumbang ke arah pembangunan negara

| JAWAPAN OBJEKTIF B10 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A | C | D | A | B | C | C | D | A | D |

## T4 B1 KEDAULATAN NEGARA

### *Soalan Objektif*

1. Jadual berikut berkaitan takrif kedaulatan dalam pelbagai bahasa.

| Bahasa | Takrif Kedaulatan |
|---|---|
| Bahasa Yunani | *Superanus* |
| Bahasa Inggeris | *Sovereignty* |
| Bahasa Arab | Daulah |
| Bahasa Melayu | Daulat |

Apakah unsur persamaan berdasarkan takrif tersebut? ms 4

A Kekayaan hasil bumi
B Kekuasaan tertinggi
C Kekuatan ketenteraan
D Keluasan wilayah pengaruh

2. Pernyataan berikut berkaitan tafsiran kedaulatan oleh mantan Ketua Hakim Negara Malaysia.

> Kedaulatan merupakan asas negara yang merdeka, memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa bersama dengan hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk kuasa asing
> \- Tun Dr Mohamed Salleh Abas

Apakah kepentingan perkara tersebut terhadap sesebuah negara? ms 5-11

A Menjadi kuasa besar dunia
B Membentuk empayar yang luas
C Menjamin kesejahteraan pemimpin
D Mewujudkan pemerintahan berkesan

3. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis kedaulatan.

**Jenis Kedaulatan**
- Kedaulatan tradisional
- Kedaulatan moden
- Kedaulatan undang-undang
- **X**

Apakah **X**? ms 7

A Kedaulatan rakyat
B Kedaulatan kerajaan
C Kedaulatan sempadan
D Kedaulatan antarabangsa

4. Apakah fungsi Parlimen berdasarkan Perlembagaan Persekutuan? ms 9

A Merangka dasar kerajaan
B Membetuk Jemaan Menteri
C Melantik Ketua Utama Negara
D Menggubal sistem perundangan

5. Jadual berikut berkaitan perbandingan kedaulatan tradisional dan moden.

| Kedaulatan Tradisional | Kedaulatan Moden |
|---|---|
| Wujud sejak tamadun awal manusia | Selepas Revolusi Keagungan |
| Pemerintahan berkuasa mutlak | **X** |

Apakah **X**? ms 6

A Kerajaan berperlembagaan
B Sistem Jemaah Menteri
C Semangat patriotik
D Aristokrasi

6. Rajah berikut berkaitan ciri negara berdaulat.

**Ciri Negara Berdaulat**
- Pemerintahan berwibawa
- Sistem perundangan adil
- Rakyat setia
- **X**

Apakah **X**? ms 8

A Sempadan negara diiktiraf
B Pendidikan berkembang
C Hubungan luar terjalin
D Ekonomi meningkat

7. Setem kenangan berikut berkaitan keunikan rakyat Malaysia.




Bagaimanakah keunikan tersebut mengukuhkan kedaulatan negara kita? ms 9

A Keharmonian dalam kalangan berbilang kaum
B Kebebasan mutlak dalam bermasyarakat
C Pengamalan adat resam yang sama
D Perkongsian cara hidup yang sama

8. Bagaimanakah Rukun Negara dapat mengukuhkan kedaulatan negara kita? ms 13

A Memupuk jati diri kaum
B Membentuk perpaduan rakyat
C Mengekalkan warisan bangsa
D Mengukuhkan ekonomi negara

9. Bagaimanakah dasar berikut dapat mempertahankan kedaulatan negara kita? ms 13

- Dasar Pendidikan Kebangsaan
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan

A Mengekalkan kestabilan politik
B Mengukuhkan patriotisme rakyat
C Memupuk integrasi nasional
D Mewujudkan kemakmuran ekonomi

10. Maklumat berikut berkaitan usaha mempertahankan kedaulatan negara kita.

- Kestabilan politik
- Kemakmuran ekonomi

Apakah langkah yang perlu diambil untuk mencapai perkara tersebut? ms 12

I Memodenkan aset ketenteraan
II Meningkatkan kecekapan pentadbiran
III Mengagihkan kekayaan negara secara adil
IV Mewujudkan lambang kebesaran negara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



CamScanner

## *Soalan Struktur*

1 Gambar berikut berkaitan ciri kedaulatan negara kita.



Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong bersemayam di atas singahsana



Sambutan Hari Kebangsaan

(a) Apa yang anda faham tentang kedaulatan?

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kedaulatan negara kita berdasarkan gambar tersebut.

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[4 *markah*]

(c) Pernyataan berikut berkaitan peranan mempertahankan kedaulatan negara.

> Mengekalkan kemerdekaan, kedaulatan serta keamanan negara sejak merdeka merupakan amanah besar yang perlu dipikul oleh seluruh rakyat Malaysia sepertimana yang disebut oleh Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman dalam pemasyhuran kemerdekaan pada 1957, negara hendaklah kekal merdeka dan berdaulat, dan seluruh rakyatnya aman, sejahtera selama-lamanya.
>
> Sumber: Ubahsuai daripada https://www.pmo.gov.my/ms/2020/08/rakyat-malaysia-pikul-amanah-besar-kekal-kedaulatan-kemerdekaan-negara/

Beri ulasan anda berkaitan "amanah besar yang perlu dipikul" dalam pernyataan tersebut.

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[4 *markah*]

**Takrif Kedaulatan**

Takrif kedaulatan dari segi bahasa:
- Yunan - *supernuus@superanus*: agung / tertinggi
- Inggeris – *sovereignity*: kuasa penuh dalam pemerintahan
- Arab – Daulah: kuasa pemerintahan
- Melayu – Daulat: kekuasaan tertinggi

**(a)** ***ms 4-5***

F1 Kekuasaan tertinggi dalam negara
F1 Asas negara merdeka
F1 Kewibawaan pemerintahan
F1 Kebebasan membentuk dasar negara
F1 Kedaulatan undang-undang
F1 Kebajikan dan kesejateraan rakyat
F1 Kerajaan diiktiraf oleh negara lain

**(b)** ***ms 8-9***

F1 Pemerintahan beraja /Raja Berperlembagaan
- Raja memegang tampuk pemerintahan / kuasa tertinggi
- Yang di-Pertuang Agong Ketua Utama Negara
- lambang negara berdaulat
- Tumpuan taat setia rakyat
- Menjamin kestabilan politik

F2 Negara merdeka
- Bebas dari penjajahan
- Mempunyai bendera kebangsaan / jalur gemilang
- Semangat patriotik / cintakan akan negara
- Rakya bersatu padu / hidup sejahtera

**(c)** ***KBAT***

**F1 Peranan pemerintah**
- Mewujudkan pentadbiran yang cekap
- Menggubal undang untuk perpaduan / intergrasi nasional
- Menganjurkan sambutan untuk membentuk semangat patriotik
- Menggubal dasar keselamatan negara

**F2 Peranan rakyat**
- Memberikan kesetian kepada raja dan negara
- Bertoleransi dalam masyarakat / hormat menghormati
- Menghormati lambang-lambang negara
- Sanggup berkorban demi mempertahan negara
- Kesimpulannya, semua pihak mesti berganding baru mempertakan kedauatan negara

| JAWAPAN OBJEKTIF B1 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | B | D | D | D | A | A | A | B | C | C |



CamScanner

## Soalan Struktur

**2** Rajah berikut berkaitan jenis kedaulatan.

| Jenis Kedaulatan | | | |
|---|---|---|---|
| Kedaulatan Tradisional | Kedaulatan Moden | Kedaulatan Undang-Undang | Kedaulatan Antarabangsa |

(a) Apakah maksud kedaulatan undang-undang?

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[2 *markah*]

(b) Bandingkan kedaulatan tradisional dengan kedaulatan moden.

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[4 *markah*]

(c) Jadual berikut berkaitan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

| Tahun | Malaysia dalam PBB |
|---|---|
| 1957 | Malaysia diterima menjadi anggota PBB |
| 1989 - 1990 | Malaysia dipilih sebagai anggota tidak tetap Kerusi Majlis Keselamatan PBB |
| 1999 - 2000 | |
| 2015 - 2016 | |

Mengapakah peristiwa tersebut dianggap penting kepada kedaulatan negara kita?

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[4 *markah*]

**Malaysia dalam Kedaulatan Antarabangsa**

- Pada 16 Oktober 2014 Malaysia terpilih sebagai wakil tidak tetap Majlis Keselamatan PBB.
- Syarat menjadi anggota majlis tersebut ialah mempunyai majoriti sokongan dua pertiga daripada anggota PBB.
- Malaysia memperoleh 187 undi daripada 193 negara anggota PBB.
- Negara lain yang terpilih ialah Angola (190 undi), Venezuela (181 undi), New Zealand (145 undi) dan Sepanyol, (132 undi).

**(a)** *ms*

F1 Kerajaan dan rakyat terikat dengan undang-undang
F2 Menjamin kehidupan bermasyaraka
F3 Mewujudkan keamanan
F4 Memastikan kestabilan
F5 Meningkatkan kemakmuran

**(b)** *ms*

F1 Kedaulatan tradisional wujud sejak tamadun awal manusia,
H1a Manakala kedaulatan moden berka idea negara bangsa, selepas Revolusi Keagungan di England / Revolusi Perancis
F2 Kedaulatan tradisional merujuk sistem pemerintahan berkuasa mutlak,
H2a Manakala kedaulatan moden berka hak rakyat dan Kerajaan berperlembagaan
F3 Kedaulatan tradisional terletak kepada kedaulatan / kewibawaan / kekuasaan raja
H3a Manakala kedaulatan moden, berkait dengan nasionalisme
F4 Kedaulatan tradisional kedudukan raja diperkukuh oleh kesetiaan rakyat,
H4a Manakala kedaulatan moden menggunakan persamaan rumpun bangsa dan bahasa

**(c)** *KBA*

F1 Kedaulatan antarabangsa
- Pengiktirafan PBB
- Negara bebas / merdeka / berdaulat
- Negara tidak dicabuli negara lain
- Dapat meluaskan hubungan diplomatik persahabatan
- Prinsip persamaan dari segi undang-undang antarabangsa
- Malaysia berperanan / meyumbang kepada kesejahteraan dunia
- Meningkatkan imej negara

**Nota Ekstra**

| Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat | | | |
|---|---|---|---|
| **Keberkesanan Pentadbiran**<br>• Menjalankan pentadbiran tanpa campur tangan luar.<br>• Diperkukuh melalui peruntukan undang-undang | **Kemakmuran Ekonomi**<br>• Meningkatkan taraf hidup rakyat.<br>• Meliputi pertanian, perindustrian dan perdagangan. | **Kesejahteraan Sosial**<br>• Melahirkan generasi berilmu.<br>• Memberi sumbangan untuk pembangunan negara | **Kecemerlangan Hubungan Luar Negara**<br>• Menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain.<br>• Masyarakat antarabangsa mengakui peranan negara kita |



CamScanner

## T5 B2 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

### *Soalan Objektif*

1. Apakah persamaan undang-undang negeri Melayu berikut? ms 22

- Hukum Kanun Pahang
- Undang-Undang Johor
- Undang-undang 99 Perak

A Mewujudkan Raja Berperlembagaan
B Menerima pengaruh undang-undang Inggeris
C Mengabungkan undur tradisional dan moden
D Mewarisi perundangan Kesultanan Melayu Melaka

2. Undang-undang di negeri Melayu mengalami perubahan pada abad ke-19.

Mengapakah undang-undang tersebut mengalami perubahan? ms 23

A Peluasan pengaruh Barat
B Pengukuhan institusi beraja
C Penerimaan pengaruh India
D Perkembangan pendidikan moden

3. Senarai berikut merupakan undang-undang Inggeris yang diperkenalkan di negara kita.

- Charter of Justice I
- Charter of Justice II
- Charter of Justice III

Di manakah undang-undang tersebut diperkenalkan? ms 22-23

A Sarawak dan Sabah
B Negeri-negeri Selat
C Negeri-negeri Melayu Bersekutu
D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

4. Maklumat berikut berkaitan undang-undang yang diperkenalkan di Sarawak dan Sabah.

- Sarawak Application of Laws Ordinance 1949
- Sabah Application of Laws Ordinance 1951

Apakah asas kepada undang-undang tersebut? ms 23

A Charter of Justice
B The Common Law of England
C The Law of the Federated Malay States
D Acts and Ordinance of Straits Settlements

5. Di manakah undang-undang berikut dilaksanakan? ms 26




The Laws of The Federated Malay States

I Perak
II Selangor
III Kelantan
IV Terengganu

A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV

6. Pilih pasangan betul berkaitan badan dan penggubalan undang-undang. ms 26

| | Badan Penggubal | Undang-Undang Digubal |
|---|---|---|
| A | Majlis Negeri | Negeri-negeri Selat |
| B | Majlis Persekutuan | Negeri-negeri Melayu Bersekutu |
| C | Majlis Undangan Negeri | Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu |
| D | Majlis Tertinggi | Negeri Sabah |

7. Senarai berikut berkaitan terma rujukan utama Perjanjian Persekutuan 1957 yang menjadi asas kepada perlembagaan negara pada hari ini.

- Kerajaan Persekutuan yang kukuh
- Kedudukan Raja-raja Melayu
- **X**

Apakah **X**? ms 27

A Pendidikan vernakular
B Undang-undang syariah
C Agihan ekonomi yang adil
D Parlimen mengandungi dua dewan

8. Rajah berikut menerangkan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.

**Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan**

| Ciri Tradisional | Ciri Moden |
|---|---|
| Agama Islam | **X** |
| Bahasa Melayu | **Y** |

Apakah perkara **X** dan **Y**? ms 28-29

I Pemerintahan beraja
II Kewarganegaraan
III Demokrasi Berparlimen
IV Kedudukan istmewa bumiputera

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9. Apakah pentadbiran yang memperkenalkan kewarganegraan Persekutuan bagi kerakyatan berikut? ms 28

- Rakyat Raja
- Rakyat British

A Negeri-negeri Selat 1826
B Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896
C Persekutuan Tanah Melayu 1948
D Persekutuan Tanah Melayu 1957

10. Maklumat berikut berkaitan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963

Apakah faktor yang membawa kepada pindaan tersebut? ms 30

A Pemisahan Singapura
B Pembentukan Malaysia
C Pembentukan Suruhanjaya Reid
D Pelaksanaan Pilihan raya Umum Pertama



CamScanner

## Soalan Struktur

**1** Jadual berikut berkaitan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan di negara kita

| Tahun | Penggubalan Undang-Undang / Perlembagaan |
|---|---|
| Sebelum 1946 | • Undang-Undang Negeri-negeri Selat<br>• Undang-undang Negeri-negeri Melayu Bersekutu<br>• Undang-undang Negeri Melayu Tidak Bersekutu |
| 1948 | • Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948: menjadi asas Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 |
| 1957 | • Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957: Perlembagaan Persekutuan menjadi asas perlembagaan negara pada hari ini |

(a) Namakan badan yang menggubal undang-undang berikut:

(i) Undang-undang Negeri-negeri Selat

..........................................................................................

(ii) Undang-undang Negeri-negeri Melayu Bersekutu

..........................................................................................

[2 *markah*]

(b) Nyatakan **dua** perkara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan 1948.

(i) ..........................................................................................

(ii) ..........................................................................................

[2 *markah*]

(c) Jelaskan perkara terma rujukan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 yang menjadi asas kepada Perlembagaan Persekutuan.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[3 *markah*]

(d) Perlembagaan penting kepada sesebuah negara.

Beri ulasan anda.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[3 *markah*]

**Majlis Negeri Perak 1877**

- Mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak.
- Dipengerusikan oleh Raja Muda Yusuf
- Menjadi titik tolak kepada pembentukan undang-undang negeri Perak
- Menjadi ikutan Majlis Negeri di negeri Melayu lain

**(a)** *ms 26*

(i) Majlis Undangan Negeri-negeri Selat

(ii) Majlis Persekutuan

**(b)** *ms 26*

F1 Pentadbiran
F2 Kuasa Raja Melayu
F3 Perundangan
F4 Kewarganegaraan

**(c)** *ms 27*

F1 Kerajaan Persekutuan yang kukuh
F2 Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu
F3 Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
F14 Parlimen mengandungi dua Dewan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negara
F5 Kewarganegaraan yang sama

**(d)** *KBAT*

- **Undang-undang tertinggi negara**
- Menentukan hala tuju pentadbiran negara
- Menetapkan kuasa kerajaaan
- Menentukan hak rakyat
- Usaha membangunkan negara
- Melahirkan rakyat yang bersatu padu
- Mewujudkan negara aman dan harmoni
- Melahirkan warganegara yang setia kepada pemerintah dan negara
- Perlembagaan berperanan besar mengekalkan kedaulatan negara

| JAWAPAN OBJEKTIF B2 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | D | A | B | B | A | B | D | C | C | B |



CamScanner

## Soalan Struktur

2 Rajah berikut berkaitan ciri utama Perlembagaan Persekutuan

**Perlembagaan Persekutuan**

| Ciri Tradisional | Ciri Moden |
|---|---|
| • Pemerintahan beraja<br>• Agama Islam<br>• **X**<br>• **Y** | • Persekutuan<br>• Demokrasi<br>• Warganegara |

(a) Nyatakan ciri bertanda berikut:

(i) **X**: ..............................................................................................

(ii) **Y**: ..............................................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan ciri moden dalam perlembagaan tersebut?

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[4 *markah*]

(c) Gabungan ciri tradisional dan moden dalam Perlembagaan Persekutuan mewujudkan asas pentadbiran yang unik dan unggul di negara kita.
Beri ulasan anda.

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

..............................................................................................

[4 *markah*]

**(a)** *ms 29*

(i) X: Bahasa Melayu
(ii) Y: Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera

**(b)** *ms 28-29*

F1 Kerajaan Persekutuan
H1 Pembahagian kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
F2 Sistem Demokrasi berparlimen
H2 Pilihan raya / rakyat memilih wakil pemimpin
F3 Kewarganegaraan
H3 Kerakyatan sama selepas merdeka
[Mana-mana fakta berkaitan]

**(c)** *KBAT*

**F1 Saling melengkapi mewujdkan pentadbiran yang kukuh**
- Pemerintahan beraja warisan budaya Melayu
- berjalan serentak dengan sistem moden / Demokrasi Berparlimen / model Westminster England
- Kombinasi / pendekatan terbaik mengimbangi amalan demokrasi
- dalam negara masyarakat berbilang kaum
- kepelbagaian bangsa, agama dan budaya

**F2 Mewujudkan mekanisme semak dan imbang**
- Pemerintahan beraja mampu meredakan krisis dalam demokrasi
- seperti perbalahan parti politik yang berbagai ideologi / konflik perkauman dalam masyarakat.
- Semenjak merdeka sehingga kini gabungan pemerintahan beraja dan Demokrasi Berparlimen terbukti berjaya membawa kemakmuran negara dan kesejahteraan hidup rakyat

### Nota Ekstra

**Pindaan Perlembagaan Persekutuan**

| Tahun | Pindaan Perlembagaan 1963 | Pindaan Perlembagaan 1965 |
|---|---|---|
| Faktor | Penggabungan Sarawak, Sabah, Singapura dengan Tanah Melayu membentuk Malaysia | Pemisahan Singapura daripada Malaysia |
| Perkara pindaan | • Struktur Mahkamah Atasan<br>• Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo<br>• Jawatan Yang di-Pertua Negeri bagi Sarawak dan Sabah | Semua perkara berkaitan Singapura seperti imigresen, kewangan, hubungan luar dan pertahanan |



CamScanner

## T5 B3 RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN

### *Soalan Objektif*

1. Mengapakah dikatakan perjanjian Negeri Melayu dengan British sebelum Perang Dunia Kedua tidak memindahkan kedaulatan negeri kepada British? ms 39

A Sistem Raja Berperlembagaan diamalkan
B Raja Melayu mengesahkan undang-undang
C Pesuruhjaya Tinggi sebagai penasihat Raja Melayu
D Setiap negeri Melayu mempunyai Undang-Undang Tubuh

2. Undang-undang berikut diwujudkan selepas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang
- Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan

Apakah kepentingan pengenalan undang-undang tersebut? ms 40

A Penerusan raja berkuasa mutlak
B Pelaksanaan Demokrasi Berparlimen
C Pengamalan Raja Berperlembagaan
D Pengenalan jawatan Yang di-Pertuan Agong

3. Mengapakah Majlis Raja-Raja dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948 dianggap eksklusif untuk Raja-raja Melayu? ms 43

A Penyertaan Yang di-Pertua Negeri
B Persuruhjaya British sebagai pengerusi
C Penglibatan pegawai kanan British sebagai ahli
D Pengendalian sepenuhnya oleh Raja-raja Melayu

4. Gambar berikut berkaitan dengan cap Mohor Besar Raja-Raja.



Apakah kepentingan cap mohor tersebut? ms 44

A Mengiktiraf kerajaan yang dipilih rakyat
B Mengesahkan pelantikan Jemaah Menteri
C Melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu
D Meluluskan undang-undang yang digubal Parlimen

5. Gambar berikut berkaitan surat urusan rasmi kerajaan.




Mengapakah tertera perkataan "Urusan Seri Paduka Baginda" pada sampul surat tersebut? ms 48

A Mengandungi maklumat sulit
B Mendapat perkenan Majlis-Raja-Raja
C Memerlukan tindakan segera pihak kerajaan
D Membuktikan Yang di-Pertuan Agong punca kuasa pemerintahan

6. Manakah antara berikut kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara? ms 49

I Mengisytiharkan darurat
II Melantik Jemaah Menteri
III Membubarkan Dewan Undangan Negeri
IV Menjadi ketua agama bagi semua negeri

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. Pernyataan berikut berkaitan kebebasan asasi dalam Perlembagaan Persekutuan.

| Kebebasan Bersuara, Berhimpun dan Berpersatuan |
|---|
| Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara, berhimpun secara aman dan membentuk persatuan. |

Mengapakah kebebasan asasi tersebut tidak bersifat mutlak? ms 51

A Tertakluk kepada Akta Parlimen
B Mendapat kelulusan Dewan Rakyat
C Memerlukan perkenan Yang di-Pertuan Agong
D Tapisan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

8. Pilih pasangan betul tentang badan dan peranannya dalam pemerintahan di negara kita. ms 53

| | Badan | Peranan |
|---|---|---|
| A | Legislatif | Mentafsir perlembagaan |
| B | Judisiari | Menggubal undang-undang |
| C | Eksekutif | Melaksana dasar kerajaan |
| D | Kehakiman | Melaksana pilihan raya |

9. Secara prinsipnya, anggota Jemaah Menteri bertanggungjawab secara kolektif kepada Parlimen.

Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh seseorang anggota Jemaah Menteri sekiraya tidak bersetuju dengan dasar kerajaan? ms 54

A Mengusul undi tidak percaya
B Memohon pembubaran Parlimen
C Membawa perkara ke mahkamah
D Meletak jawatan sebagai Menteri

10. Pernyataan berikut berkaitan sistem pentadbiran di negara kita.

| Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan sejak merdeka terbukti berkesan mewujudkan kestabilan dan kemakmuran kepada negara |
|---|

Bagaimanakah sistem tersebut mewujudkan kestabilan dan kemakmuran negara? ms 57

I Rakyat berkuasa membentuk kerajaan
II Kebebasan mutlak dijamin perlembagaan
III Dominasi satu parti menguasai pentadbiran
IV Kuasa raja mengimbangi amalan demokrasi

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

## *Soalan Struktur*

1 Rajah berikut berkaitan penubuhan Majlis Raja-Raja yang bermula dengan pembentukan Durbar.

| 1896 | 1946 | 1948 | 1957 |
|---|---|---|---|
| **Durbar:** Negeri-negeri Melayu Bersekutu | **Majlis Sultan-Sultan:** Malayan Union | **Majlis Raja-Raja:** Persekutuan Tanah Melayu 1948 | **Majlis Raja-Raja:** Persekutuan Tanah Melayu merdeka |

(a) Apakah kepentingan pembentukan Durbar pada tahun 1986.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[2 *markah*]

(b) Bandingkan Majlis Sultan-Sultan dalam Malayan Union 1946 dengan Majlis Raja-Raja dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

(c) Majlis Raja-Raja bukan sahaja agung tetapi juga unik kerana majlis ini merupakan satu-satunya institusi yang sedemikian rupa yang wujud di dunia pada masa kini. Majlis Raja-Raja juga unggul dari beberapa segi, kerana setengah peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dipinda oleh Parlimen sahaja, kerana persetujuan haruslah diperoleh daripada Majlis Raja-raja terlebih dahulu

Sumber: https://www.majlisraja-raja.gov.my

Beri ulasan anda berkaitan keunggulan Majlis Raja-Raja selepas merdeka.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

**(a)** ***ms 42***

F1 Durbar seiring dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu

F2 Berperanan sebagai majlis persidangan bagi Raja Melayu negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang

F3 Membincangkan hal pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan British

**(b)** ***ms 43***

**Majlis Sultan-Sultan Malayan Union**
- Dipengerusikan Gabenor Malayan Union
- Dianggotai Sembilan Raja Melayu dan tiga pegawai kanan British
- Membincangkan undang-undang berkaitan agama Islam
- Tidak pernah bersidang kerana Raja-raja Melayu menentang Malayan Union

**Majlis Raja-Raja Persekutuan Tanah Melayu 1948**
- Dipengerusikan dalam kalangan Sembilan Raja Melayu
- Menjadi institusi khas untuk Raja-raja Melayu
- Disertai Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja
- Berkuasa mendapat penerangan dari Persuruhjaya Tinggi British
- berkaitan penggubalan undang-undang / dasar Kerajaan Persekutuan

**(c)** ***KBAT***
- Majlis Raja-Raja (MRR) mengukuhkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen
- Sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan
- Mempunyai kuasa berdasarkan Perlembagaan Persekutuan
- Sesetengan pindaan Perlembagaan memerlukan perkenan MRR
- MRR beranan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi
- Hak untuk dirundingi dalam pelantikan jawatan penting
- Hak untuk membincangkan hal berhubung dengan dasar negara
- Mempunyai kuasa budi bicara dalam melaksanakan fungsinya.
- Satu-satunya majlis sedemikan rupa yang ada di dunia masa kini.

**PERKEMBANGAN INSTITUSI MAJLIS RAJA-RAJA**

| Durbar (1897) | Majlis Sultan-Sultan (1946) | Majlis Raja-Raja (MRR) | |
|---|---|---|---|
| | | PTM 1948 | Selepas Merdeka |
| • Pengerusi: Pesuruhjaya Tinggi British.<br>• Ahlinya<br>- 4 orang Raja Melayu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang).<br>- Residen British di NNMB.<br>- Setiausaha NNMB | • Pengerusi: Gabenor Malayan Union<br>• Ahliya:<br>- 9 orang Raja Melayu<br>- Ketua Setiausaha Malayan Union<br>- Penasihat Undang-undang<br>- Setiausaha Kewangan | • Pengerusi ditentukan oleh Raja-raja Melayu<br>• Ahlinya 9 orang Raja Melayu.<br>• Persidangan disertai oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja. | • Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Pulau Pinang menjadi ahli MRR.<br>• Selepas Malaysia dibentuk (1963) Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Sabah menjadi ahli MRR<br>• Yang di-Pertua Negeri tidak turut serta dalam mesyuarat khas melibatkan institusi beraja. |



CamScanner

## Soalan Struktur

**2** Amalan demokrasi di Malaysia boleh dilihat dengan jelas menerusi pilihan raya yang dijalankan sejak negara mencapai kemerdekaan. Selain itu, asas kebebasan asasi menjadi tunjang kepada amalan demokrasi termaktub dalam Bahagian II, Perlembagaan Persekutuan seperti kebebasan bersuara, kebebasan agama dan kebebasan menganggotai sebarang pertubuhan atau parti politik.

Sumber: Kamarulnizam Abdullah (Penyunting), Malaysia dalam Hubungan Antarabangsa Serantau, 2010, Penerbit Universiti Utara Malaysia: Sintok

(a) Nyatakan amalan demokrasi dalam pilihan raya di negara kita.

..................................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

[2 *markah*]

(b) Jelaskan kebebasan asasi di negara kita berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

..................................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

[4 *markah*]

(c) Pernyataan berikut berkaitan kebebasan asasi di negara kita.

> Dalam konteks kehidupan bermasyarakat dan bernegara, undang-undang mempunyai peruntukan yang mengawal kebebasan rakyat supaya kehidupan bermasyarakat tidak menjadi huru-hara.
> Kawalan yang dilaksanakan bertujuan menjamin kerukunan, keharmonian dan solidariti serta keselamatan negara supaya tidak diganggu-gugat oleh anasir subversif. Oleh itu, untuk memastikan ada kawalan terhadap perkara tersebut, maka di bawah Perkara 10(2) Perlembagaan Malaysia diperuntukkan bahawa Parlimen boleh dengan undang-undang mengenakan sekatan yang perlu dan mustahak demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya. Undang-undang itu diwujudkan untuk mengawal aktiviti berkaitan hak asasi supaya ia tidak membawa mudarat kepada negara dan masyarakat.
>
> Sumber:Disesuaikan daripada www.utusan.com.my

Berdasarkan pernyataan tersebut, kebebasan asasi di negara kita tidak bersifat mutlak.
Beri ulasan anda.

..................................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

..................................................................................................

[4 *markah*]

**(a)** ***ms 50***
- F1 Pelbagai parti politik bertanding
- H1 bersaing mendapat mandat rakyat untuk memerintah
- F2 Kempen pilihan raya
- H2a membolehkan rakyat mengenali calon
- H2b memahami manifesto parti bertanding.
- F3 Rakyat menyemak nama pada daftar pemilih sebelum mengundi
- F4 Undian menggunakan prosedur yang telus / sistematik
- H4 Undi adalah rahsia
- H5 bukti keabsahan kerajaan dipilih rakyat

**(b)** ***ms 5***
- F1 **Kebebasan diri**
- H1a Tidak boleh diambil nyawa / dilucutkan kebebasan diri
- H1b kecuali mengikut undang-undang
- F2 **Kebebasan beragama**
- H2a Islam agama Persekutuan
- H2b penganut agama lain boleh mengamalkan agama masing-masing
- F3 **Hak berkenaan Pendidikan**
- H3a Tiada diskriminasi terhadap warganegara
- H3b atas alasan agama, ras, keturuna atau tempat lahir.
- F4 **Kebebasan bersuara / berhimpun / berpersatuan**
- H4a Warganegara berhak kepada kebebasan bercakap
- H4b berhimpun secara aman / membentuk persatuan.

**(c)** ***KBA***
- F1 Kebebasan asasi dikawal oleh undang-undang Parlimen / Akta
- • Seperti Akta Hasutan / Akta polis / Akta Perhimpunan Aman / Akta Me Cetak dan Penerbitan
- • Bertujuan menjamin kerukunan / keharmonian solidariti
- • Demi memelihara perpaduan kaum keselamatan negara
- • Persatuan / pertubuhan mesti didaf oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS)
- • Tidak boleh menerbitkan berita tentang ideologi bertentangan nilai budaya masyarakat Malaysia
- • Tidak boleh mempromosi elemen keganasan
- • Sekataan bertujuan memastikan ketenteraman / kesejateraan dalam masyarakat demokratik

| **Info Sejarah: Antara Akta Parlimen yang mengawal hak asasi di Malaysia** | |
|---|---|
| Akta Hasutan 1948 (Akta 15) | Menghalang perbincangan melalui apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut |
| Akta Polis 1967 (Akta 344) | Mengawal selia perhimpunan, perjumpaan dan perarakan orang ramai |
| Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301) | Mengawal selia penggunaan mesin cetak dan pencetakan, penerbitan dan pengedaran hasil penerbitan dan mengenai perkara yang berkaitan dengannya |
| Akta Perhimpunan Aman 2012 (Akta 736) | Mengawal selia bantahan awam dan perhimpunan aman di Malaysia |



CamScanner

## Soalan Esei

1 Pernyataan berikut berkaitan Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan.

> **PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**
> **Bahagian IV**
> **PERSEKUTUAN**
> Bab 1-Ketua Utama Negara
> Perkara 32: Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, dan Isterinya
> (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam mana-mana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

(a) Jelaskan kedudukan institusi Yang di-Pertuan Agong berdasarkan perlembagaan tersebut.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

(b) Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa yang luas dalam pemerintahan di negara kita.
Jelaskan kuasa baginda dalam aspek berikut;

(i) Kuasa Eksekutif

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

(ii) Kuasa Perundangan

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

(c) Petikan berita berikut berkaitan institusi Raja berperlembagaan di negara kita.

> Sistem pemerintahan beraja menjadi pelengkap serta semak dan imbang kepada sistem pemerintahan demokrasi. Inilah yang menjadi asas kestabilan politik Malaysia selama ini. Kestabilan politik ini pula menyumbang keharmonian dan kesepaduan sosial, kemakmuran ekonomi dan kesohoran global. Dalam politik Malaysia yang semakin kompleks, peranan institusi Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja semakin relevan dan signifikan.
> Sumber: https://www.bharian.com.my

Beri ulasan anda berkaitan pernyataan tersebut.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[8 *markah*]

**(a)** ***ms 47***

F1 Ketua Utama Negara bagi Persekutuan
F2 Keutamaan daripada semua orang dalam Persekutuan
F3 Tidak boleh dikenakan prosiding dalam mahkamah
F4 Kecuali Mahkamah Khas
F5 Memegang jawatan selama lima tahun

**(b)** ***ms 48-49***

(i) **Kuasa Eksekutif**
- Bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri
- Melantik Perdana Menteri / Jemaah Menteri
- Melantik jawatan penting / Peguam Negara / Panglima Angkatan Tentera / Ketua Audit Negara
- Pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia
- Melantik diplomat Malaysia
- Menerima menghadap diplomat asing

(ii) **Kuasa Perundangan**
- Memperkenankan Rang Undang-Undang
- Memanggil Parlimen bersidang / membubarkan Parlimen
- Ketua Agama Islam di negeri baginda / Wilayah Persekutuan / Melaka / Pulau Pinang / Sarawak / Sabah
- Melindungi kedudukan istimewa orang Melayu / bumiputera / kepentingan sah kaum lain
- Membuat pengisytiharan darurat

**(c)** ***KBAT***

**F1 Pemerintahan beraja mengimbangi pemerintahan demokrasi**
- Mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan demokrasi
- Raja-raja berkecuali dalam hal politik
- Kuasa budi bicara raja / kuasa mengisytiharkan darurat
- Mampu meredakan krisis yang berlaku dalam sistem demokrasi
- Dalam politik Malaysia yang kompleks
- Perbalahan parti politik / konflik perkauman dalam masyarakat.
- Peranan institusi Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja semakin relevan / signifikan
- Mewujudkan kestabilan politik
- Meyumbang keharmonian / kesepaduan sosial / kemakmuran ekonomi
- Memastikan ketenteraman awam / keselamatan negara



CamScanner

## Soalan Esei

**2** Rajah berikut berkaitan struktur pentadbiran Persekutuan berteraskan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.




(a) Apakah fungsi Majlis Raja-Raja dalam sistem pemerintahan di atas?

[4 *markah*]

(b) Jelaskan peranan badan berikut dalam sistem pemerintahan di negara kita;

(i) Badan Perundangan

[4 *markah*]

(ii) Badan Eksekutif

[4 *markah*]

(c) Kombinasi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen membentuk pentadbiran yang sistematik dan unggul di negara kita. Beri ulasan anda.

[8 *markah*]

**(a)** ***ms 44-45***

F1 Majlis Raja-raja sebahagian institusi Raja Berperlembagaan
F2 Mempunyai kuasa berdasarkan Perlembagaan Persekutuan
F3 Boleh menggunakan budi bicara dalam melaksana fungsinya
F4 Memilih Yang di-Pertuan Agong / Timbalan YDPA
F5 Memberi nasihat berkaitan pelantikan jawatan penting negara
F6 Menjadi rujukan berhubung dengan dasar negara
F7 Menjadi Lembaga Pengampunan
F8 Beranan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi

**(b)** ***ms 53-54***

**(i) Badan Perundangan**
F1 Badan yang menggubal undang-undang
F2 Parlimen badan perundangan tertinggi di Malaysia
F3 berkuasa menggubal undang-undang / membuat pindaan undang-undang Persekutuan
F4 menyemak dasar kerajaan
F5 meluluskan perbelanjaan kerajaan / sistem cukai yang baharu

**(ii) Badan Eksekutif**
F1 Badan yang melaksanakan kuasa eksekutif / badan pelaksana
F2 Jemaah Menteri badan eksekutif peringkat Persekutuan
F3 menggubal dasar negara / melaksana pembangunan
F4 berpegang pada prinsip tanggungjawab bersama / secara kolektif kepada Parlimen
F5 Menteri / ahli Jemaah Menteri perlu letak jawatan jika tidak bersetuju dengan dasar kerajaan

**(c)** ***KBAT***

F1 Pemerintahan berteraskan gabungan unsur tradisisional dan moden
- Saling melengkapi mewujudkan pentadbiran kukuh / unggul.
- Kombinasi terbaik mengimbangi amalan demokrasi dalam masyarakat berbilang kaum

F2 Mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan
- Kuasa Raja mampu meredakan krisis dalam pemerintahan demokrasi
- seperti perbalahan parti politik / konflik perkauman dalam masyarakat.

F3 Permuafakatan / kerjasama politik
- berdasarkan prinsip tolak ansur / perundingan
- Parti politik bergabung membentuk kerajaan /
- berkongsi kuasa dalam pemerintahan.
- terbukti membawa kestabilan dan perpaduan kaum di negara kita.
- Pemerintahan berdasarkan acuan tersendiri ke arah pembinaan bangsa dan negara.

| JAWAPAN OBJEKTIF B3 | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | B | C | D | C | D | A | A | C | D | B |



CamScanner

## T5 B4 SISTEM PERSEKUTUAN

### *Soalan Objektif*

1. Negara kita mengamalkan sistem Persekutuan.
Apakah ciri sistem tersebut? ms 66

I Penggbungan negeri
II Pembahagian kuasa
III Pemusatan pentadbiran
IV Pembentukan satu kerajaan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2. Jadual berikut berkaitan perkembangan sistem pentadbiran Persekutuan di negara kita.

| Tahun | Pentadbiran |
|---|---|
| 1896 | Pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu |
| 1927 | Penstrukturan Majlis Perundangan Persekutuan |
| 1946 | Penubuhan Malayan Union |

Apakah kepentingan pembentukan sistem tersebut? ms 67

A Menjamin kepentingan British
B Menjalankan dasar dekolonisasi
C Melaksanakan pengasingan kuasa
D Mengukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu

3. Pilih padanan yang betul berkaitan pentadbiran sistem Persekutuan. ms 67

| | Pentadbiran | Ketua Persekutuan |
|---|---|---|
| A | Negeri-negeri Melayu Bersekutu | Residen Jeneral |
| B | Malayan Union | Persuruhjaya Tinggi |
| C | Persekutuan Tanah Melayu 1948 | Gabenor |
| D | Persekutuan Malaysia | Yang di-Pertuan Agong |

4. Pentadbiran Kerajaan Malaysia dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan
Manakah antara berikut perkara yang terletak di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan? ms 69

I Pelajaran
II Pertahanan
III Kerajaan Tempatan
IV Undang-undang Islam

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Jadual berikut berkaitan kuasa yang diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

| Perlembagaan Persekutuan | | |
|---|---|---|
| Senarai Persekutuan | Senarai Negeri | **Senarai X** |

Perkara apakah terletak di bawah senarai **X**? ms 70

A Undang-undang Islam
B Hal ehwal tanah
C Perumahan
D Pelajaran

6. Pentadbiran berikut berkaitan Kerajaan Tempatan.

- Majlis Bandaraya
- Majlis Perbandaran
- Majlis Daerah

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, di bawah senarai apakah pentadbiran tersebut diwartakan? ms 71

A Senarai Negeri
B Senarai Bersama
C Senarai Persekutuan
D Senarai Tambahan

7. Agensi apakah ditubuhkan untuk melaksanakan pembangunan tanah berikut? ms 72

Menyatu dan memulihkan tanah Kerajaan Negeri yang terbiar.

A FELDA
B SCORE
C FELCRA
D PERHILITAN

8. Pembangunan sosioekonomi melibatkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dangan Kerajaan Negeri.
Bagaimanakah agensi Persekutuan berikut melaksanakan kerjasama tersebut? ms 72

- Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
- Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA)
- Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)

A Memajukan industri desa
B Memulihkan tanah terbiar
C Memfokus pembinaan prasarana
D Melaksanakan pembangunan wilayah baru

9. Bagaimanakah mengatasi masalah berikut berdasarkan Perlembagaan Persekutuan? ms 50

| Masalah |
|---|
| Undang-undang Negeri tidak selaras dengan undang-undang Persekutuan |

A Undang-undang yang baharu perlu digubal
B Undang-undang yang digubal Parlimen digunapakai
C Undang-undang di bawah Senarai Bersama dirujuk
D Undang-undang yang diluluskan Dewan Undangan Negeri dikuatkuasa

10. Manakah antara berikut, Majlis Negara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan? ms 81

I Majlis Tanah Negara
II Majlis Kewangan Negara
III Majlis Keselamatan Negara
IV Majlis Perumahan Negara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



CamScanner

**Soalan Struktur**

1 Peta berikut berkaitan Pembangunan Koridor Wilayah yang melibatkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.




(a) Namakan **dua** negeri atau wilayah yang terlibat dalam rancangan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

(i) ..........................................................................................

(ii) ..........................................................................................

[2 *markah*]

(b) Pembangunan Koridor Wilayah yang diwujudkan di seluruh negara memberikan banyak manfaat.

Jelaskan.

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

[4 *markah*]

(c) Mengapakah negeri-negeri di pantai Barat Semenanjung Malaysia tidak terlibat dalam Pembangunan Koridor Wilayah? Beri ulasan anda.

